


BAB ENAM

TANGGAPAN DAN SIKAP TERHADAP HUBUNGAN GENDER DALAM POLITIK

Politik dan penglibatan wanita merupakan satu topik yang menarik untuk dikaji. Dalam usaha untuk membantu golongan wanita mencapai kemajuan dan peningkatan hidup, politik merupakan satu bidang yang dapat menolong menjayakannya. Apabila meneliti hubungan wanita dan kepentingan mereka di dalam politik, secara tidak langsung ia juga menyentuh peranan serta penglibatan kaum lelaki. Kedua-dua golongan ini mempunyai hubung kait yang kuat dalam menentukan jatuhan bangun politik negara. Lagipun pengagihan kuasa antara lelaki dan wanita sering ditimbulkan akibat daripada ketidakseimbangan kedudukan yang dicapai oleh wanita dan lelaki dalam pelbagai bidang. Politik digunakan sebagai ukuran kerana ia melibatkan banyak unsur-unsur penggunaan kuasa yang memperlihatkan ketidaksamaan hubungan sosial di antara lelaki dan wanita. Apatah lagi jumlah perwakilan wanita dalam bidang ini tidak menggambarkan jumlah penduduk kaum wanita yang sebenar.

Penulisan kajian dalam bab enam dibuat dengan merujuk kepada kerangka teori di bawah:

Rajah 6.1. Kerangka Teori Penghuraian Bab Enam



Sumber: Kajian Penulis (2000)

Kerangka ini menjadi panduan untuk meneliti ekspektasi peranan gender dalam politik dan bagaimana ia mempengaruhi pola penglibatan wanita dalam bidang ini. Analisis akan ditumpukan dengan melihat dan mengkaji perbezaan atau persamaan di antara wanita UMNO dan PAS serta pandangan mereka mengenai hubungan gender dan pengaruhnya dalam politik. Pengkaji menegaskan bahawa kajian ini hanya mewakili sebahagian kecil ahli-ahli PAS dan UMNO di Terengganu dan Selangor sahaja. Ia menggambarkan pandangan segelintir ahli PAS dan UMNO terhadap hubungan gender dalam politik tetapi tidak mewakili pandangan semua ahli. Hipotesis yang ingin dibuktikan di dalam bab ini ialah ketaksamaan hubungan gender menyebabkan wujudnya jurang perbezaan dari segi bilangan wanita di peringkat kepimpinan. Di samping itu juga meneliti hipotesis bahawa wanita UMNO menunjukkan kemajuan yang lebih besar dalam

politik berbanding dengan wanita PAS dari segi sikap yang lebih positif dan potensi untuk membawa wanita kepada kedudukan yang lebih baik di peringkat membuat keputusan.

Perjuangan wanita untuk mencapai matlamat 30% bilangan wanita di peringkat membuat keputusan masih panjang . Seharusnya dengan kependudukan 56% daripada 22 juta orang, serta peningkatan dalam bidang pendidikan dan korporat, wanita tidak menghadapi masalah untuk memenuhi tuntutan Dr. Siti Hasmah yang diutarakan semasa seminar di Beijing, 1995.¹ Peluang untuk kaum wanita terlibat secara aktif di dalam politik bergantung kepada organisasi politik. Kriteria sesebuah parti itu turut mempengaruhi kedudukan ahli wanitanya dan tahap perwakilan mereka di peringkat tertinggi terutama dalam pilihanraya dan parlimen.² Sekiranya parti hanya menganggap wanita sebagai penyokong dan orang suruhan serta tidak berkelayakan untuk mempengaruhi pembuatan polisi, maka adalah sukar untuk menggalakkan wanita turut serta dalam politik pada tahap yang memuaskan. UMNO dan PAS mempunyai pergerakan wanita yang cuba menjuarai isu wanita mengikut ideologi dan nilai yang dibawa oleh parti.

6.1. Perspektif dan Pandangan Mengenai Politik

Menurut ahli kongres Rhode Island, Claudine Schneider (1992), ahli politik wanita mungkin tidak boleh menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam

¹ New Straits Times, 25 November 1999.

² Miki Caul, "Women's Representation in Parliament: The Role of Political Parties", Kertas Kerja Yang Dimuatkan Dalam Research Monograph Series,, School of Social Sciences, University of California, Irvine, m.s. 24. Boleh diperolehi daripada <<http://www демок.uci.edu/democ>>(15 Februari 2001).

sesebuah negara, tetapi mereka mempunyai perspektif kehidupan yang membolehkan mereka memberi pandangan yang berbeza dalam politik.³ Ini kerana wanita mengalami proses pembesaran yang berbeza daripada lelaki. Politik sudah sekian lama menjadi bidang yang dikuasai oleh kaum lelaki. Justeru itu apabila memperkatakan tentang politik maka masyarakat berpendapat ia menyentuh soal dominasi kaum lelaki.⁴

Namun begitu, menurut data yang diperolehi, tidak ada seorang pun responden lelaki atau wanita yang berpendapat politik itu sebagai suatu sistem yang menyokong dominasi kaum lelaki. Sebaliknya, 58.4% responden, berpendapat politik itu sebagai satu seni untuk mentadbir sesebuah negara yang memerlukan kuasa, daya kepimpinan yang tinggi untuk memerintah mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam. Jelasnya, 58.4% responden ini menggariskan bahawa sistem politik harus selari dengan nilai-nilai yang ditetapkan oleh Islam kerana politik adalah sebahagian daripada Islam. Seramai 19.6% responden beranggapan bahawa politik ialah satu bidang yang melibatkan kuasa, pengaruh dan kedudukan untuk memerintah dengan pecahan 20% responden wanita dan 19% responden lelaki.

³ Dorothy, W.Canttor., & Barney, T., **Women in Power: The Secret Leadership**, London, Houghton Mifflin Company, 1992, m.s. 67.

⁴ Pharr, J. Susan., **op.cit.**, m.s. 2.

Jadual 6.1: Politik Pada Pandangan Responden

APA YANG DIMAKSUDKAN POLITIK DLM PEMAHAMAN ANDA	JANTINA		JUMLAH %
	PEREMPUAN	LELAKI	
BIDANG YANG MELIBATKAN KUASA ATAU KEDUDUKAN TINGGI UNTUK MEMERINTAH	20%	19%	19.6%
DAYA DAN KUASA KEPIMPINAN MENGIKUT LUNAS ISLAM	58.4%	55.6%	56.8%
MENTADBIR NEGARA HASIL TUNTUTAN MAJORITI	4.0%	2.2%	3.1%
KOMBINASI TIGA ELEMEN DI ATAS	14.4%	21.5%	18.1%
POLITIK UNTUK MENOLONG MASYARAKAT DAN TIDAK DI SALAHGUNAKAN	1.6%	0	1.6%
JUMLAH	100.0	100.0	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat

mengikut keperluan

Bidang politik penting dalam kehidupan manusia. Ia adalah suatu bidangkuasa yang sihat tetapi manusia yang menjadikannya kurang sihat.⁵ Machiaveli menggunakan konsep ‘matlamat menghalalkan cara’ dalam politik menyebabkan bidang ini dianggap kotor dan tidak sihat oleh sesetengah ahli masyarakat.⁶

Pada pandangan umum, kaum lelaki lebih mudah dikaitkan dengan ketidaktelusan menjalankan tugas sebagai wakil rakyat. Malah kekalahan UMNO berturut-turut di Kelantan misalnya dikaitkan dengan penyalahgunaan wang dan kuasa oleh ahli politik

⁵ Abdul Akhir Bakar, “Partisipasi Wanita Dalam Senario Politik Di Malaysia: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam”, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 2.

lelaki.⁷ Semasa Kelantan di bawah PAS sekitar tahun 1970-an, parti itu juga pernah dipalitkan dengan sejarah hitam apabila pemimpin atasan didakwa menyeleweng kuasa dan wang rakyat.⁸ Di Terengganu, wakil-wakil rakyat PAS telah dibeli oleh UMNO.⁹ Bagi kaum wanita, sehingga kajian ini dibuat, hanya seorang Ketua PWU yang pernah dikaitkan dengan rasuah.¹⁰ Walau bagaimanapun beliau telah terlepas dari segala pertuduhan. Ahli politik wanita yang lain tidak dilibatkan dalam penyalahgunaan kuasa atau wang. Selain itu, Muslimat PAS juga tidak pernah dikaitkan dengan rasuah. Ini bermakna dari segi logik dan kekerapan terhadap pertuduhan rasuah, wanita lebih berketerampilan dalam menonjolkan imej seorang pemimpin yang cekap, bersih dan amanah. Namun mengapa wanita masih juga menjadi golongan yang kedua terpilih untuk tampil sebagai golongan memimpin dalam politik?

Sesetengah pendapat mendakwa, agama digunakan sebagai alasan untuk tidak membenarkan wanita menjadi pemimpin. Malah menurut sesetengah golongan, perkara ini turut disokong oleh ayat-ayat Al-Quran. Tetapi menurut Datin Sohair Abdul Moheim (1994),

⁷ Muhamed Agus Yusof, "Pilihanraya Umum 1990: Mengapa Rakyat Kelantan Menolak Barisan Nasional?", dalam Mohamed Agus Yusof (pnyt), **Perkembangan dan Perubahan Sosial Politik Kelantan 1955-1995**, Selangor, UKM, 1995, m.s. 155-156.

⁸ Muhamed Agus Yusof dan Abdul Rahman Ismail, "Pencapaian PAS dan UMNO dalam Politik Kelantan, 1959-1990," dalam Mohamed Agus Yusof (pnyt), **Perkembangan dan Perubahan Sosial Politik Kelantan 1955-1995**, Selangor, UKM, 1995, m.s. 117.

⁹ Funston, N. J., **Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS**, Kuala Lumpur, Heinmann, Educations Books Ltd, 1980, m.s. 56.

¹⁰ Pemerhatian semasa Perbahasan di Sidang Dewan pada 9 Mac 2000 berkenaan dengan isu siasatan rasuah oleh Badan Pencegah Rasuah yang melibatkan Dato' Seri Rafidah Aziz.

Islam has never rated a women second class and the women is not just a sleeping partner but has a few more important position than men while her duties are also much more pure.¹¹

Meskipun Islam menekankan tugas wanita yang utama ialah untuk menjaga rumah tangga, tetapi sejarah Islam telah membuktikan bahawa wanita juga perlu memainkan peranan dalam politik.¹² Di dalam sejarah Islam terdapat beberapa orang pemimpin wanita yang terlibat dalam politik tetapi kerana dalam tempoh tersebut masyarakat Islam dikuasai oleh kaum lelaki lantas penglibatan serta pencapaian kaum wanita tidak dicatat.¹³ Konflik tentang peranan gender dan agama dalam politik juga turut dibincangkan oleh Zoya Hassan (1998) di dalam buku **Appropriating Gender: Women's Activism and Politicised Religion in South Asia**. Beliau menulis tentang perselisihan politik dan gender di antara kaum Hindu dan Muslim mengenai hak wanita Islam dalam politik yang merupakan isu penting terutama dengan bangkitnya sekularisme di India.¹⁴ Secara tidak langsung penulisan beliau boleh dikaitkan dengan perkembangan wanita dan peranan agama Islam dalam parti politik di Malaysia. Ini kerana Zoya Hassan (1998) juga membicarakan tentang perundungan yang menengahkan hak-hak wanita, hubungan gender, adat resam wanita India dan politik agama.

Keengganan pemimpin PAS meletakkan calon wanita di dalam pilihanraya dan kebisuan Muslimat PAS terhadap isu ini sendiri menjadi satu perkara yang dikaitkan

¹¹ New Straits Times, 11 Mei 1996.

¹² Mohd Soud Said, "Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik di Malaysia", Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1999, m.s. 25-33.

¹³ Rafi Ullah Shahab, **op.cit.**, m.s. 79.

¹⁴ Zoya Hassan, "Gender Politics , Legal Reforms and The Muslims Community in India", dalam Patricia Jeffrey & Amrita Basu (pnyt), **Appropriating Gender: Women's Activism and Politicised Religion in South Asia**, London, Routledge, 1998, m.s. 125-127.

dengan diskriminasi ke atas wanita. Isu ini terus menjadi bualan hangat media massa terutama selepas Muktamar PAS ke-46 apabila Muslimat PAS menyuarakan keinginan untuk mencalonkan wanita secara terbuka. Menurut Dato' Fadhil Noor,

Suasana dan adab pertandingan yang melibatkan muslimat sangat tidak sesuai. Kita tidak mahu muslimat kita terdedah dengan suasana sedemikian rupa. Bagaimanapun jika adab yang dikehendaki oleh Islam itu wujud, muslimat PAS boleh diberi peluang untuk bertanding dalam pilihanraya.¹⁵

Alasan yang diberi ialah suasana dan adab pertandingan pilihanraya tidak Islamik. PAS mendakwa sistem pengendalian pilihanraya tidak menjamin kehormatan dan adab sopan yang perlu dipelihara oleh wanita.¹⁶ Adab sopan yang dimaksudkan ini termasuk menutup aurat dan pergaulan yang bebas. PAS mendakwa mereka mengutamakan keselamatan calon-calon yang bertanding. Menurut YB Jamilah Ibrahim,

...muslimat sebagai calon perlu lihat kepada implikasi positif dan negative...lihat kepada kesesuaian. Sekarang kaum muslimat dilantik jadi senator, satu pengiktirafan, penghargaan yang diberikan oleh PAS. Maka tidak perlu bersusah payah. Mereka dilantik dan boleh membawa suara parti dan pandangan wanita dalam Dewan Negara.¹⁷

Muslimat PAS berpendapat, dakwaan diskriminasi ke atas ahli wanita PAS adalah tidak berasas. Mereka mendakwa bahawa wanita PAS lebih menumpukan perhatian untuk berkhidmat kepada masyarakat dan bukannya untuk memegang jawatan. Sebaliknya ahli wanita PAS sedar tugas-tugas yang perlu dilaksanakan sebagai ahli parti. Tugas-tugas

¹⁵ Temubual dengan Presiden PAS, Dato' Fadhil Noor di Parlimen pada 28 Februari 2000.

¹⁶ Mohd Soud Said, "Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik di Malaysia", Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1999, m.s. 44.

¹⁷ Temubual dengan YB Jamilah Ibrahim, Ketua Muslimat PAS di Parlimen pada 9 April 2000.

parti yang tidak mendapat liputan daripada media massa dilaksanakan oleh wanita PAS, menjadi tunggak kepada kekuatan PAS.¹⁸

Timbalan Presiden PAS iaitu Haji Abdul Hadi menjelaskan, perumpamaan meletak wanita sebagai pemimpin seperti menyediakan saf sembahyang.¹⁹ Sebaik-baik saf, wanita berada di belakang. Inilah pendekatan yang digunakan oleh PAS berhubung dengan kedudukan wanita dalam politik. Kaum lelaki diletakkan di hadapan di dalam barisan kepimpinan sementara kaum wanita sebagai penyokong yang berada di belakang. Perumpamaan ini amat menarik kalau diteliti dengan mendalam. Ia seakan menggambarkan susunan kedudukan wanita dan lelaki dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Namun begitu, bagi seorang muslim darjah ketinggian terletak kepada keimanan dan ketakwaan bukan pada jantina seseorang itu.²⁰ Untuk menjadi imam di dalam sembahyang, seseorang yang dilantik itu perlulah pandai membaca Al-Quran, berpengetahuan luas tentang Al-Quran, arif tentang ilmu-ilmu agama dan seorang yang dihormati oleh para jemaah.

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Muslim ada menyebut bahawa Nabi Muhamad S.A.W. bersabda,

¹⁸ Temubual dengan beberapa kepimpinan DMP termasuk YB Jamilah Ibrahim, Puan Fatimah Ibrahim, Puan Wan Hasrina, Puan Hamidah Daud, Puan Mariam Taib dan Puan Zaironi Othman.

¹⁹ Ucapan Timbalan Presiden PAS terhadap isu pencalonan wanita dalam pilihanraya semasa Muktamar PAS ke 46 di Kuala Terengganu pada 1 Jun 2000.

²⁰ Mohd Soud Said, "Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik di Malaysia", Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1999, m.s. 33.

*The imam of a people should be the one who is the most versed in the Quran. If they are equal in their recital, then the one who is most knowledgeable of the sunnah. If they are equal in the sunnah, then it is the one who migrated first. If they are equal in that, then it is the eldest.*²¹

Hadith ini tidak langsung menyebut jantina sebagai satu daripada kriteria penting untuk dipilih menjadi imam. Namun begitu Ibn Rashd menegaskan, menurut Imam Syafei wanita hanya boleh menjadi imam dalam sembahyang kepada kaum wanita yang lain.²² Seorang wanita boleh menjadi imam kepada para jemaah yang terdiri daripada kalangan wanita sahaja. Ini tidak bermakna seorang wanita tidak boleh memimpin. Dan tidak pula memberi gambaran bahawa kepimpinan lelaki itu lebih baik dari seorang perempuan kerana penerimaan sembahyang seseorang individu itu bukan terletak kepada jantinanya tetapi amalan yang dilakukan. Dalam Islam segala tuntutan yang diwajibkan ke atas lelaki juga adalah wajib ke atas seorang wanita dan kedua kaum ini mempunyai hak yang sama.

*What makes one valuable and respectable in the eyes of Allah, the Creator of mankind and the universe, is neither one's prosperity, position, intelligence, physical strength nor beauty, but one's Allah-consciousness and awareness (taqwa).*²³

Malangnya sesetengah ulamak berpendapat hanya lelaki yang boleh terlibat secara aktif dalam politik tetapi tidak wanita.²⁴ Pucuk pimpinan PAS pula berpendapat wanita boleh menjadi pemimpin di kalangan mereka sendiri. Kaum wanita mungkin mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang lebih baik daripada lelaki tetapi bagi menjamin kestabilan masyarakat pemimpin PAS berpendapat lebih baik sekiranya lelaki yang memimpin. Ini

²¹ As-Sayyid Sabiq, **Fiqh us Sunna**, American Trust Publications, 1989, Vol.2, m.s. 56.

²² Jamal A. Badawi, "The Status of Women in Islam", **Al-Ittihad**, Vol. 8, No. 2, September 1971, m.s. 3.

²³ **Ibid**, m.s. 3.

²⁴ Rafi Ullah Shahab, **op.cit.**,m.s. 85; Mohd Soud Said, "Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik di Malaysia", Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1999, m.s. 35-37.

berkaitan pula dengan ego seorang lelaki untuk dipimpin oleh seorang wanita. Apatah lagi perasaan seorang suami apabila beristerikan seorang wakil rakyat yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang lebih besar dari suami.²⁵

Statistik juga menunjukkan 37.3% responden UMNO (45.4% responden wanita dan 29.4% responden lelaki) dalam kajian ini menyatakan parti yang memperjuangkan nasib suatu kaum dan mengambil kira perkembangan kaum-kaum lain merupakan parti yang paling sesuai untuk diamalkan di Malaysia. Di Malaysia terdapat pelbagai kaum maka untuk mengelakkan daripada berlakunya perselisihan kaum maka parti yang mewakili kepentingan kaum-kaum di Malaysia dianggap paling sesuai. Di samping itu, 32.0% responden menyokong parti yang mempertahankan kesucian Islam dan kedaulatan negara. Terdapat 14.2% responden bersetuju bahawa parti yang berbilang kaum paling sesuai dan 6.0% yang lain menyokong parti perkauman. Seramai 76.4% responden PAS (79.4% responden wanita dan 73.2% responden lelaki) menyokong parti yang mempertahankan Islam dan mendaulatkan negara.²⁶ Diikuti oleh 19.1% responden yang melihat parti mendokong ideologi agama dan mengiktiraf agama-agama yang lain sebagai paling sesuai di Malaysia. Selain daripada itu, 3.7% menyokong jenis parti yang berbilang kaum.

²⁵ Temubual dengan Puan Mariam Taib di Wisma Daruliman, Kuala Terengganu pada 26 Julai 2000.

²⁶ Perkara ini telah dibincangkan juga dalam bab empat mengenai alasan responden menyertai parti yang mereka pilih. Analisa jawapan mengenai kedaulatan Islam di antara responden PAS dan UMNO juga diterangkan.

Jadual 6.2: Parti Yang Dianggap Sesuai Oleh Responden

RESPONDEN	JENIS PARTI YANG PALING SESUAI DI MALAYSIA	JANTINA		JUMLAH %
		PEREMPUAN %	LELAKI %	
UMNO	1. PARTI PERKAUMAN	6.1%	5.9%	6.0
	2. PARTI BERBILANG KAUM	16.7%	11.8%	14.2
	4. MEMPERJUANGKAN NASIB SEMUA KAUM	45.4%	29.4%	37.3
	5. MENDOKONG IDEOLOGI AGAMA & IKTIRAF AGAMA LAIN	4.5%	14.7%	9.7
	6. MEMPERTAHANKAN KESUCIAN ISLAM & KEDAULATAN NEGARA	27.3%	38.3%	32.9
	JUMLAH	100.0%	100.0%	100.0%
PAS	1. PARTI BERBILANG KAUM	4.4%	2.9%	3.7%
	4. MEMPERJUANGKAN NASIB SEMUA KAUM	0	1.5%	.7%
	5. MENDOKONG IDEOLOGI AGAMA & IKTIRAF AGAMA LAIN	16.2%	22.1%	19.1%
	6. MEMPERTAHANKAN KESUCIAN ISLAM & KEDAULATAN NEGARA	79.4%	73.2%	76.4%
	KESEMUA DI ATAS KECUALI 1	0	1.5%	.7%
	JUMLAH	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Terdapat dua jenis parti berbilang kaum yang dimaksudkan di sini. Pertama, gabungan parti-parti perkauman seperti Barisan Nasional yang komponen utamanya terdiri daripada UMNO (mewakili orang Melayu), MIC (India) dan MCA (Cina). Selepas tahun 1998, satu lagi gabungan parti berbilang kaum telah diwujudkan dan dikenali sebagai Barisan Alternatif terdiri daripada Parti Keadilan Nasional (sebuah parti yang ahlinya berbilang kaum), PAS (majoriti orang Melayu) DAP (majoritinya adalah orang Cina walaupun kedapatan beberapa orang Melayu dan India yang menjadi ahli) serta PRM (sebuah lagi parti sosialis rakyat yang mempunyai ahli terdiri daripada pelbagai

kaum). Pilihanraya ke-10 telah menunjukkan pengaruh pakatan terbaru ini mendapat sambutan daripada rakyat.

Peratus bilangan responden UMNO yang lebih ramai menyokong penubuhan parti berbilang kaum di Malaysia berdasarkan kepada pencapaian yang ditonjolkan oleh Barisan Nasional. UMNO menjadi peneraju utama dalam membentuk kerajaan. Bagi PAS pula, penubuhan Barisan Alternatif masih lagi di peringkat baru maka tidak ramai yang menyokong gabungan DAP dan PAS. Tetapi 3.7% yang mewakili responden PAS menunjukkan sudah ada perubahan sikap di kalangan ahli PAS tentang gabungan ini. PAS mendakwa dasar perlembagaan mereka adalah untuk menegakkan perjuangan Islam, maka 56.6% responden PAS menyatakan parti yang berdasarkan kepada agama adalah paling sesuai. Walaupun ahli-ahli UMNO juga beragama Islam tetapi, atas pemikiran, didikan dan budaya berorganisasi kedua ahli dari parti ini adalah berbeza, maka memungkinkan pola pemikiran serta penerimaan yang berbeza sama ada untuk mendaulatkan Islam atau memperjuangkan kepentingan Melayu.²⁷

Majoriti responden wanita dan lelaki dalam kajian ini memilih parti yang mendaulatkan agama dan negara sebagai yang paling sesuai diikuti oleh parti yang memperjuangkan kaum dan agama tetapi turut mengiktiraf kaum dan agama yang lain. Tiada perbezaan yang nyata di antara responden wanita dan lelaki tentang pemilihan parti yang paling sesuai. Tetapi jika diteliti dengan lebih mendalam didapati majoriti responden wanita yang cenderung kepada parti yang mendokong dan mempertahankan agama adalah responden PAS. Manakala kesemua responden wanita yang menyokong parti yang

²⁷ Aminuddin Mohd Yusof, "Melayu UMNO, Melayu PAS: Manifestasi Dua Personaliti", m.s. 95-97.

berjuang berdasarkan kaum adalah responden UMNO. Malah jika dirujuk jadual 6.2 di atas, didapati sememangnya responden wanita PAS lebih cenderung ke arah parti yang menyokong perjuangan agama islam sebagai ideologinya. Sementara responden wanita UMNO pula lebih cenderung kepada parti yang boleh mendokong kepada perpaduan kaum.

Jadual 6.3: Parti Yang Sesuai oleh Responden Wanita Mengikut Negeri

JENIS PARTI YANG PALING SESUAI DI MALAYSIA	TERENGGANU %			SELANGOR %		
	PAS	UMNO	JUMLAH	PAS	UMNO	JUMLAH
PARTI PERKAUMAN	0	3.0	3.0	0	2.9	2.9
PARTI BERBILANG KAUM	1.5	6.1	7.6	2.9	10.3	13.2
MEMPERJUANGKAN NASIB SEMUA KAUM	0	19.7	19.7	0	20.6	20.6
MENDOKONG IDELOGI AGAMA & IKTIRAF AGAMA LAIN	9.1	4.5	13.6	7.4	0	7.4
MEMPERTAHANKAN KESUCIAN ISLAM & KEDAULATAN NEGARA	40.9	13.6	54.5	38.2	13.2	51.4
KESEMUA DI ATAS KECUALI 1	0	1.5	1.5	1.5	2.9	4.4

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Walaubagaimanapun jadual 6.3 menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara responden wanita di Terengganu atau Selangor. Majoriti mendakwa parti yang paling sesuai ialah yang mempertahankan Islam dan mendaulatkan negara. Tetapi didapati responden wanita UMNO, 19.7% di Selangor dan 20.6% di Terengganu berpendapat parti yang memperjuangkan nasib semua kaum seperti yang didokong oleh UMNO dalam BN sebagai parti yang paling sesuai. Akan tetapi tidak ada seorangpun responden wanita PAS

mengatakan parti ini paling sesuai. Penemuan ini adalah sejajar dengan respon yang diberikan oleh para responden apabila disoal tentang sebab pemilihan parti.²⁸

Sejarah perjuangan wanita UMNO memperlihatkan bahawa gerakan dan mobilasi ahli-ahli secara besar-besaran dalam politik bermula apabila hak istimewa orang Melayu terancam dalam tahun 1946. Selepas merdeka, perjuangan UMNO dilihat sinonim dengan perjuangan orang-orang Melayu untuk orang-orang Melayu. Maka sebarang tindakan UMNO dilihat adalah untuk kepentingan orang Melayu. Responden UMNO memberi sokongan terhadap parti mereka kerana pencapaian yang telah dicapai oleh UMNO. Seperti kata Senator Hazizah,

Selepas merdeka , ia telah menubuhkan kerajaan dan meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi. Kemudian ia meletakkan Perdana Menteri dari kalangan orang Melayu dan meningkatkan taraf hidup orang Melayu.Kementerian yang pelbagai juga berfungsi untuk mempertingkatkan maruah orang Melayu. Negara sekarang sudah maju dan ekonomi stabil. UMNO telah berjaya menyatu padukan masyarakat Cina, India dan Melayu serta membuat jasa pada rakyat dan membantu rakyat miskin. Jadi adalah perlu untuk kita perkukuhkan UMNO ini.²⁹

Selepas pilihanraya 1999, berikutan undi yang merosot kaum Melayu terhadap UMNO, ia menunjukkan perpecahan undi orang Melayu. Kaum Melayu dianggap tidak mengenang budi serta tidak berterima kasih dengan usaha UMNO membawa kemajuan dan pembangunan kepada mereka.³⁰ Sikap yang ditunjukkan oleh ahli-ahli UMNO terhadap perjuangan Melayu sinonim dengan kepercayaan ahli-ahli PAS tentang politik agama yang diperjuangkan oleh mereka.

²⁸ Perkara ini telah dibincangkan dengan mendalam dalam bab lima.

²⁹ Temubual dengan Senator Hazizah di Parlimen pada 20 April 2000.

³⁰ Mengambil kesimpulan daripada ucapan-ucapan oleh para perwakilan UMNO semasa Mesyuarat Agung UMNO, Mei 2000 di PWTC.

5.2. Peranan Wanita Dalam Politik

Wanita Malaysia telah diberi hak yang lebih baik dalam sistem politik di Malaysia berbanding dengan negara-negara lain yang menyaksikan kaum wanitanya bersusah payah mendapatkan hak untuk mengundi. Di Amerika misalnya, hak wanita untuk mengundi hanya diberi pada tahun 1920 sedangkan perjuangan untuk menuntut persamaan hak oleh wanita di Amerika sudah lama wujud. Kaum wanita di sana terpaksa berjuang untuk mendapatkan hak memiliki harta, tidak diiktiraf sebagai individu selepas berkahwin, malah proses untuk menuntut hak mereka dalam perundangan dan mengundi berjalan sangat perlahan selama beberapa dekad.³¹ Tetapi di Malaysia, kaum wanita terus menikmati hak mereka sebagai warganegara Malaysia dan bebas mengundi sebaik sahaja kemerdekaan dicapai. Perlembagaan Persekutuan turut menjamin hak wanita ini. Malah dalam pilihanraya tahun 1954 iaitu 3 tahun sebelum merdeka, kaum wanita juga turut diberi peluang untuk terlibat dalam proses pilihanraya sebagai pengundi atau pekerja-pekerja parti.

Mengikut jadual 6.4, majoriti responden menyokong penglibatan aktif wanita dalam politik. Malah tidak ada perbezaan yang ketara antara responden lelaki dan wanita berkenaan dengan sokongan mereka terhadap pembabitan wanita. Terdapat 91.0% responden wanita dan 86.8% responden lelaki yang menyokong bahawa wanita seharusnya digalakkan melibatkan diri dalam politik sekiranya mereka mampu menjadi ketua yang baik.

³¹ Sapiro, V., op.cit., m.s. 16.

Jadual 6.4: Pandangan Responden Tentang Wanita dalam Politik (n=271)

PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP WANITA	PEREMPUAN (%)	LELAKI (%)
Wanita harus digalakkan melibatkan diri dalam politik sekiranya mereka mampu menjadi ketua yang baik	91.0	86.8
Wanita tidak seharusnya aktif dalam politik. Kemungkinan tidak dapat menyesuaikan diri dengan kerjaya politik dan memainkan peranan di rumah	18.6	24.4
Wanita yang belum berkahwin tetapi mempunyai kredibiliti sebagai pemimpin seharusnya boleh terlibat dalam politik	90.2	80.5
Pemimpin wanita tidak berkebolehan seperti pemimpin lelaki	28.6	38.2
Pemimpin wanita berkebolehan seperti pemimpin lelaki	73.7	62.5
Wanita yang mempunyai kredibiliti, perlu terlibat dalam politik tetapi hanya setelah mereka dapat menjalankan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri di rumah	88.0	86.7
Wanita beremosi dan tidak mempunyai ciri-ciri ketua yang baik.	48.5	64.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Responden wanita dan lelaki dalam kajian kes ini tidak menyokong kenyataan bahawa wanita tidak seharusnya aktif dalam politik kerana dibimbangi tidak dapat mengimbangi kerjaya politik dan peranan di rumah. Peratus responden lelaki yang menyokong kenyataan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan wanita. Apabila dilihat dengan terperinci lagi, 23.8% responden wanita UMNO bersetuju dengan kenyataan ini manakala hanya 13.6% responden PAS wanita yang bersetuju. Kajian menunjukkan, terdapat segolongan kecil wanita sendiri tidak yakin dengan kemampuan mereka dengan alasan tidak dapat mengimbangi dua peranan ini.

Selain daripada itu, 90.2% responden wanita bersetuju bahawa wanita yang belum berkahwin tetapi berwibawa seharusnya melibatkan diri dalam politik. Ini memandangkan

wanita yang belum berkahwin tidak mempunyai tanggungjawab keluarga yang berat yang memerlukan peruntukan masa yang tertentu untuk menguruskan rumah tangga. Bagaimanapun adalah suatu perkara yang mengejutkan kerana masih ada 9.8% responden wanita dan 19.5% responden lelaki yang tidak menyokong wanita bujang untuk terlibat secara aktif dalam politik.

Kenyataan bahawa pemimpin wanita tidak berkebolehan seperti pemimpin lelaki disanggah oleh 71.4% responden wanita dan 61.8% responden lelaki dalam kajian ini. Kenyataan ini seolah-olah menolak kemampuan kaum wanita untuk memimpin dan menjadi sebahagian daripada golongan pemutus dasar. Ini kerana menolaknya secara total tanpa alasan yang munasabah, seolah-olah menafikan hak wanita sebagai pemimpin. Terdapat 73.7% responden wanita bersetuju bahawa pemimpin wanita juga berkebolehan seperti pemimpin lelaki tetapi hanya 62.5% responden lelaki yang bersetuju. Walaupun lebih separuh daripada responden yakin dengan kebolehan wanita tetapi 38.5% membuktikan sebahagian daripada ahli masyarakat masih tidak percaya dengan kemampuan wanita. Ini mungkin juga memberi jawapan kenapa hanya 200 orang wanita UMNO di 15000 bahagian pada tahun 1996³² dilantik sebagai ketua bahagian dan ketiadaan wakil wanita PAS di peringkat kawasan yang dipilih sebagai ketua atau AJK.

Jelasnya, 88.0% responden wanita dan 86.7% responden lelaki turut menyokong agar kaum wanita memastikan mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri di rumah sebelum melibatkan diri dalam politik. Sekali lagi

³² New Straits Time, 30 Mei, 1996.

kenyataan ini membuktikan bahawa para responden menekankan kepada kepentingan peranan mereka sebagai penjaga kebajikan keluarga sebelum memulakan kerjaya dalam politik.

Sementara itu, 29.3% responden lelaki pula berpendapat wanita lebih beremosi dan tidak mempunyai ciri-ciri ketua yang baik manakala 51.1% responden wanita menyangkal dakwaan ini. Walau bagaimanapun dakwaan responden lelaki ini mengukuhkan lagi tanggapan umum bahawa wanita tidak layak menjadi pemimpin. Ini kerana persepsi kaum lelaki bahawa wanita adalah individu yang penuh emosi dan tidak mempunyai ciri-ciri seorang ketua yang diperlukan. Ciri-ciri seorang pemimpin yang tegas dan berwibawa dikatakan tidak sesuai dengan sifat-sifat kewanitaan yang lemah lembut serta menurut perintah. Tambahan pula kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh pergerakan politik wanita atau badan-badan sukarela yang lain lebih menjurus kepada pengukuhan semula peranan wanita sebagai isteri dan ibu. Oleh itu masyarakat sukar untuk menerima wanita dan melihat mereka bebas daripada belenggu peranan domestik. Selain daripada itu telah sebatи dalam masyarakat Melayu bahawa para pemimpin perlulah daripada kalangan lelaki. Melihat kepada keadaan politik Malaysia hari ini, tidak dapat disangkal lagi bahawa masyarakat Melayu masih lagi pro-kepada kaum lelaki sebagai pemimpin. Menurut YB Husni,

Dalam sistem demokrasi ia bergantung kepada sistem pemilihan. Pemilihan ini sudah tentu terbuka kepada semua orang tetapi untuk seseorang itu terpilih bergantung kepada banyak faktor. Masyarakat Melayu masih chauvinistic di mana apabila pemilihan dibuat, amat sukar bagi seseorang wanita untuk dipilih naik ke atas (memimpin).³³

³³ Temubual dengan YB Husni Hanadziah di Parlimen pada 17 April 2000.

Bagi kenyataan bahawa wanita yang mempunyai kredibiliti walaupun mempunyai tanggungjawab sebagai ibu dan isteri boleh berpolitik sekiranya mempunyai suami yang memahami, didapati peratus responden yang bersetuju adalah lebih ramai.

Apabila ditinjau pandangan mengenai kedudukan wanita dalam politik didapati responden wanita lebih cenderung melabelkan diri mereka sebagai pembantu atau penyokong kepada kaum lelaki. Ini terbukti dengan 32.5% responden wanita yang beranggapan bahawa wanita hanya memainkan peranan penting untuk berkempen semasa pilihanraya berbanding dengan 24.2% responden lelaki beranggapan demikian. Seramai 26.7% responden wanita berpendapat wanita lebih mampu memainkan peranan yang lebih berkesan dari segi mempengaruhi orang ramai untuk menyertai parti. 20.0% responden lelaki mengatakan wanita mempunyai kepentingan yang sama dan 8.8% menganggap wanita sebagai pembantu sahaja. Bagaimanapun terdapat 29.4% responden wanita yang mendakwa peranan wanita sama seperti mana peranan kaum lelaki.

Jadual 6.5: Wanita Dalam Politik Menurut Responden

APA PANDANGAN MENGENAI WANITA DALAM POLITIK	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN	LELAKI	
TIADA JAWAPAN	0.7%	0.4%	1.1%
SEBAGAI PENYOKONG SAHAJA	26.7%	27.2%	26.9%
BERKEMPEN SEMASA PILIHANRAYA	32.5%	24.2%	28.8%
MEMPUNYAI KEPENTINGAN SPT LELAKI	24.4%	29.4%	26.9%
KOMBINASI	12.6%	14.7%	13.7%
SEHARUSNYA MENDAPAT KEDUDUKAN YG LEBIH BAIK DLM POLITIK	.7%	.7%	.7%
MEMPENGARUHI BUDAYA POLITIK	.7%	0%	.4%
PERANAN TIDAK SEPENTING KAUM LELAKI	2.2%	2.2%	4.4%
JUMLAH	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Majoriti responden wanita PAS dalam kes ini menolak dakwaan bahawa wanita hanya berperanan sebagai penyokong kepada kaum lelaki sahaja. Terdapat 4.4% berpendapat peranan mereka tidak sepenting kaum lelaki. 26.7% responden lelaki mengakui wanita berupaya menarik orang ramai untuk menyertai parti. Ini bersesuaian dengan imej yang diberikan kepada ahli-ahli wanita iaitu sebagai penyokong dan pekerja untuk menguatkan parti. Menurut YB Mahfuz Omar,

Bagi kaum Melayu, gerakan wanita banyak memberikan keberkesanan kepada penampilan penonjolan dan pengenalan orang ramai terhadap sesuatu parti politik.³⁴

³⁴ Temubual dengan YB Mahfuz Omar, Ketua Dewan Pemuda PAS di Parlimen pada 11 Julai 2000.

Jadual 6.6: Wanita Dalam Politik Menurut Responden Wanita

APA PANDANGAN MENGENAI WANITA DALAM POLITIK	TERENGGANU %			SELANGOR %		
	PAS	UMNO	JUMLAH	PAS	UMNO	JUMLAH
SEBAGAI PENYOKONG SAHAJA	13.6	13.7	27.3	14.4	11.6	26.0
BERKEMPEN SEMASA PILIHANRAYA	18.2	10.6	28.8	15.9	20.0	35.9
MEMPUNYAI KEPENTINGAN SEPERTI LELAKI	12.1	16.7	21.2	4.3	15.9	20.2
KOMBINASI	3.0	6.1	9.1	13.0	2.9	15.9
SEHARUSNYA MENDAPAT KEDUDUKAN YG LEBIH BAIK DALAM POLITIK	1.5	0	1.5	0	0	0
MEMPENGARUHI BUDAYA POLITIK	0	1.5	1.5	0	0	0
PERANAN TIDAK SEPENTING KAUM LELAKI	3.0	0	3.0	1.4	0	1.4

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Majoriti responden wanita PAS dalam kajian ini menyangkal dakwaan bahawa wanita hanya berperanan sebagai penyokong kaum lelaki sahaja, tetapi 4.4% mengatakan peranan wanita tidak sepenting kaum lelaki. Manakala 32.6% responden wanita UMNO mengatakan bahawa peranan mereka sama penting dengan lelaki manakala hanya 30.8% mengatakan peranan mereka sebagai tukang kempen sahaja. Wanita UMNO melihat peranan mereka dalam politik sebagai lebih berketerampilan dan memainkan peranan penting sebagaimana kaum lelaki. Bagaimanapun dapatan kajian dalam jadual 6.6 menunjukkan peratus responden WUS yang setuju bahawa tugas utama wanita dalam bidang ini ialah berkempen semasa pilihanraya. Tugas ini lebih sesuai bagi ahli wanita

daripada menerajui kepimpinan parti. Namun begitu peratus responden WUT yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah lebih rendah. Manakala 12.1% responden WPT juga dilihat lebih terbuka daripada 4.3% WPS kerana menyokong kepentingan wanita adalah sama dengan lelaki. Sekali lagi responden daripada Pantai Timur menunjukkan kesedaran dan kepekaan terhadap kedudukan wanita dalam politik.

Norani Abdullah (1994), dalam penulisannya, menyentuh isu-isu mengenai penglibatan dan status tradisi wanita Melayu yang masih lagi dilihat dari persepsi kepimpinan lelaki dan ideologi gender yang membezakan hubungan di antara peranan wanita dan peranan lelaki dalam politik. Seperti Jamilah Ariffin (1992), Noraini Abdullah (1994) juga mengakui bahawa penglibatan kaum wanita dalam parti-parti politik hanyalah sebagai penyokong kepada lelaki yang menolong mereka untuk bergiat dalam politik. Tambahan pula kaum wanita telah ‘mengikat’ diri mereka dengan imej traditional yang meletakkan wanita pada kedudukan yang subordinat kepada lelaki.³⁵ Namun begitu, Ramlah Adam (1978) sudah lama mengemukakan hal ini. Menurut Ramlah Adam (1978), peranan PKI pada peringkat awal menggunakan pendekatan berpolitik secara moderat dan tradisional³⁶ serta tidak melebihi daripada status kewanitaanya. Sikap politik yang konservatif ini menyebabkan masyarakat Melayu terutama golongan lelaki dapat menerima penglibatan wanita dalam politik.

³⁵ Noraini Abdullah, “Women’s Participation in The Political Development Process in Malaysia”, m.s. 97-99.

³⁶ Ramlah Adam, “Pergerakan Wanita UMNO di Malaysia 1945-1972”, m.s. 35.

Zahara Hassan (1998)³⁷ dan Wan Hasyim Wan Teh (1995)³⁸ mendakwa pemecatan Khadijah Sidek didorong oleh budaya politik UMNO dan PAS yang tidak dapat menerima kritikan secara terbuka daripada seorang wanita. Sudah menjadi dasar dan budaya politik wanita Melayu agar akur kepada nilai-nilai kewanitaan yang telah dibentuk oleh masyarakat berdasarkan kedudukan mereka di dalam masyarakat itu sendiri. Justeru itu, di dalam politik juga, PWU dan DMP mengambil sikap konservatif dan mengikut tradisi masyarakat Melayu yang menyaksikan kaum wanita sering mengalah kepada pucuk pimpinan yang kebanyakannya adalah lelaki.³⁹ Ini bertepatan dengan kenyataan Leftkowitz (1983) bahawa wanita boleh terlibat dan bergiat dalam politik tetapi,

*...only under certain closely defined conditions, and that unless they do at least ostensibly on behalf of male relative, they and others around them come to a bad end.*⁴⁰

Statistik menunjukkan bahawa kaum wanita sendiri yang bertanggungjawab meletakkan diri mereka di kedudukan yang lebih rendah berbanding dengan kaum lelaki dalam bidang politik. Hanya 24.4% sahaja yang melihat kepentingan mereka sama seperti kaum lelaki. Lebih daripada separuh responden wanita menafikan kedudukan mereka sepenting kaum lelaki. Ini menyokong penemuan awal kajian ini yang mendapati golongan wanita kurang berkeyakinan untuk melantik wanita sebagai pemimpin atau memegang jawatan penting sama ada dalam parti atau kerajaan. Aisyah Ghani (1992),

³⁷ Zahara Hassan, "Kepimpinan Khadijah Sidek: Antara realiti dan Persepsi", Seminar Kedudukan Citra dan Identiti Masyarakat Melayu Zaman Kolonial, 14-15/7/1998, AJMA, UKM, m.s. 19.

³⁸ Wan Hashim Wan Teh, *op.cit.*, m.s. 26-27.

³⁹ Zahara Hassan , "Kepimpinan Khadijah Sidek: Antara realiti dan Persepsi", m.s. 18.

⁴⁰ Leftkowitz, M., "Influential Women", dalam Averil Cameron and Amelia Kuhrt (pnyt), *Images of Women in Antiquity*, London, Croom Helm, 1983, m.s. 49-64.

telah menggariskan beberapa faktor mengapa kedudukan wanita dalam politik masih tidak mencapai tahap yang seujarnya termasuk mereka hanya bersedia untuk menjadi pemimpin di kalangan wanita sahaja. Antara faktor yang lain termasuk peranan tradisi yang tidak mendedahkan wanita untuk menyertai politik secara serius. Wanita melibatkan diri dalam politik hanya untuk mengukuhkan parti, masyarakat luar bandar anti-calon wanita dan kelemahan kaum wanita untuk menguasai politik tempatan di peringkat membuat keputusan.⁴¹

6.3. Wanita dan Kedudukan Dalam Politik

Politik bukan sekadar untuk mewujudkan pilihanraya dan mengundi. Proses pengundian hanyalah sebahagian daripada proses pilihanraya dan pilihanraya pula adalah sebahagian daripada politik. Namun perkara yang berkaitrapat dengan pembabitan wanita dalam politik ialah proses pilihanraya itu sendiri. Daripada awal lagi, masyarakat melihat, wanita memainkan peranan yang amat penting semasa pilihanraya. Menurut Azah Aziz (1989) di samping melakukan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan, peranan wanita dalam politik amat ketara menjelang pilihanraya sahaja.⁴² Kaum wanita giat berkempen untuk parti tanpa mengambil kira jantina calon yang dikempen.

Selain daripada itu, wanita juga berperanan sebagai tukang kempen. Cara wanita berkempen agak berlainan daripada kaum lelaki. Memang tidak dinafikan mereka memainkan peranan utama untuk berkempen dari rumah ke rumah. Tugas ini diserahkan kepada kaum wanita kerana mereka dikatakan lebih berjaya mempengaruhi orang lain

⁴¹ Aisyah Ghani, **Memoir Seorang Pejuang**, m.s. 108.

untuk mengundi parti yang mereka wakili. Perkara ini turut diakui oleh Ketua Dewan Pemuda PAS, YB Mahfuz Omar yang mengatakan dalam masyarakat Melayu gerak kerja kaum wanita yang memberikan kesan kepada penampilan, penonjolan atau pengenalan orang ramai terhadap sesebuah parti politik.⁴³ Ini turut disokong oleh Puan Hamidah yang menerangkan tugas Muslimat PAS adalah untuk menolong pucuk pimpinan parti memaklumi orang ramai tentang kemosyikilan yang timbul kepada masyarakat.⁴⁴ Menurut YB Mahfuz Omar lagi,

Wanita sesuai contohnya sebagai perayu undi kerana lebih banyak berkomunikasi dan sesuai dengan tugas merayu undi. Tambahan pula dengan sifat memahami wanita terhadap wanita lain, hati budi dan kelembutan wanita serta faham akan sifat-sifat kewanitaan yang lain.⁴⁵

Kenyataan YB Pokok Sena ini mengandungi dua perkara penting. Pertama, parti politik dan dalam hal ini PAS amat bergantung kepada gerak kerja wanita bagi menjamin keberkesanan kempen mengundi dalam masyarakat Melayu. Wanita mampu memainkan peranan ini dengan baik kerana sifat-sifat kewanitaan yang ada pada diri mereka. Kedua, ahli politik lelaki melihat peranan wanita dalam politik itu disesuaikan dengan peranan atau imej yang telah sebatи dengan diri wanita iaitu sebagai seorang yang lemah lembut dan pandai merayu.

Selain daripada itu, kaedah kaum wanita berkempen juga berlainan daripada kaum lelaki. Kaum wanita lebih menitikberatkan tentang potensi serta peranan yang boleh dimainkan oleh parti untuk rakyat. Mereka tidak menggunakan serangan-serangan

⁴² Azah Aziz, *Selayang Kenangan*, Kuala Lumpur, AMK Interaksi, 1990, m.s. 20.

⁴³ Temubual dengan YB Mahfuz Omar di Parlimen pada 11 Julai 2000.

⁴⁴ Temubual dengan Puan Hamidah Daud di Wisma Daruliman, Kuala Terengganu pada 26 Julai 2000.

⁴⁵ Temubual dengan YB Mahfuz Omar di Parlimen pada 11 Julai 2000.

berbentuk peribadi tetapi lebih menekankan tentang potensi dan kualiti parti atau personaliti yang dipilih.⁴⁶ Dengan cara ini mereka dapat mempengaruhi orang ramai untuk mengundi. Tambahan pula strategi atau gerak kerja yang dijalankan ini menarik serta mencerminkan kebudayaan masyarakat Melayu yang penuh dengan budaya sopan santun.

Malah kaum wanita juga rajin serta bersemangat tinggi apabila berkempen. Mereka tidak mengira siang dan malam atau kerja yang dijalankan itu diberi ganjaran atau tidak tetapi kepentingan parti yang diutamakan. Menurut 20 orang pemimpin politik wanita yang ditemubual, kerja-kerja wanita semasa pilihanraya amatlah besar sehingga parti sendiri bergantung kepada gerak kerja kaum wanita untuk mencapai kejayaan dalam pilihanraya. Bahkan gerak kerja wanita dalam berkempen ini tidak dapat ditandingi oleh kaum lelaki sendiri. Rata-rata kepimpinan wanita di dalam parti UMNO dan PAS menegaskan bahawa antara faktor kemenangan parti mereka dalam pilihanraya bergantung kepada daya usaha pergerakan wanita. Ini turut diakui oleh kesemua 11 orang wakil pimpinan kaum lelaki dari UMNO dan PAS. Malah Fatimah Abdullah (1995) dalam kertas kerjanya yang membincangkan tentang wanita dan pembabitan mereka dalam politik di Kelantan juga secara tidak langsung menggaris persamaan yang ada di antara wanita UMNO dengan PAS. Kedua-dua kumpulan ini merupakan aset penting kepada parti masing-masing kerana mereka merupakan jentera parti yang utama, terutama sekali menjelang pilihanraya sebagai perayu undi.⁴⁷ Sebagai mana dakwaan Ramlah Adam (1978) mengenai PKI iaitu,

⁴⁶ New Straits Times, 30 Mei 1996.

⁴⁷ Fatimah Abdullah, "Wanita dan Politik di Kelantan", m.s. 95.

PKI bertindak sebagai cadre parti, propagandist parti dan pengundi yang setia. Bekerja untuk pilihanraya dianggap sebagai tugas penting.⁴⁸

Pergerakan Wanita UMNO merupakan pergerakan politik wanita yang paling ramai ahlinya namun kedudukan mereka dalam politik tidak kukuh. Para ahli terikat dengan dasar perjuangan dan struktur UMNO yang menghalang wanita daripada menyuarakan pendapat mereka.⁴⁹ Apatah lagi untuk terlibat dalam proses membuat keputusan adalah sesuatu yang sukar. Contoh yang paling ketara, ialah Khadijah Sidek yang lantang menyuarakan hak-hak wanita dan mempersoalkan pucuk kepimpinan parti.⁵⁰

Sejarah yang sama berulang semasa Ketua Pergerakan Wanita UMNO 1996-2000, Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman mengemukakan barisan exco terbarunya sebelum pilihanraya ke-10. Beliau telah dikecam hebat, malah presiden UMNO sendiri telah ‘menasihati’ beliau agar tidak meneruskan hasratnya itu.⁵¹ Selaku Presiden parti, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed mempunyai hak untuk menegur tindakan yang diambil oleh ahli-ahli parti. Tambahan pula, cadangan Dr. Siti Zaharah dibimbangi akan mendatangkan perpecahan di kalangan ahli wanita. Namun begitu, keadaan ini menunjukkan *budaya menurut* dalam pergerakan wanita UMNO kepada kepimpinan lelaki.


⁴⁸ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO di Malaysia 1945-1972", m.s. 38.

⁴⁹ Perkara ini telah diterangkan di dalam bab empat mengenai faktor halangan wanita untuk aktif berpolitik.

⁵⁰ Wan Hasyim Wan Teh, *op.cit.*, m.s. 26-29 dan Danez, V. H., *op.cit.* m.s. 97-99.

⁵¹ Rosni Hassan, " Benarkah Sudah Selesai", **Massa**, 21-27 Ogos 1999, m.s. 18-19.

Rajah 6.2 : Wanita dan Penonjolan dalam Politik



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Secara keseluruhannya, 42.6% responden lelaki dalam kes kajian ini mengakui bahawa kaum lelaki membayangi kemajuan wanita dalam politik menyebabkan peranan mereka tidak begitu menonjol. Bagi responden wanita, 56.4% tidak bersetuju dengan kenyataan kurangnya penonjolan wanita dalam bidang ini kerana dibayangi kaum lelaki terutama wanita PAS iaitu 66.3%. Kalau diteliti dengan terperinci, 42.1% responden UMNO, 43.1% wanita dan 50.0% lelaki bersetuju dengan pandangan bahawa kemajuan wanita dalam politik sentiasa dibayangi oleh kaum lelaki menyebabkan kaum wanita tidak dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan menonjol. Tetapi terdapat 46.7% responden UMNO yang tidak bersetuju. Manakala bagi responden PAS, 64.7% tidak bersetuju bahawa lelaki yang menyebabkan peranan serta kemajuan wanita dalam politik terbatas. Mereka mendakwa peluang untuk maju dalam politik adalah sama di antara lelaki dan perempuan walaupun wanita PAS tidak dilantik sebagai ketua parti ataupun wakil rakyat.

Wanita UMNO merupakan tulang belakang parti yang memainkan peranan besar sebagai perayu undi, pekerja parti yang setia dan golongan pengutip derma yang tekun untuk parti.⁵² YB Dato' Napsiah menegaskan,

...wanita UMNO were just as committed to the party 40 years ago as they are today. Women were relatively poor but they didn't mind giving up their jewelery or whatever money they had to put into a fund that could help in the party's activities.⁵³

6.3.1. Wanita Sebagai Wakil Rakyat

Menurut YB Dr. Ng Yen Yen⁵⁴, gender bukan lagi merupakan halangan untuk wanita bergerak dalam politik malah ianya satu kebaikan bagi wanita untuk memenangi pilihanraya.⁵⁵ Beliau mendakwa masyarakat mula menerima wanita sebagai pemimpin dalam politik. Peningkatan peratus wanita dalam pilihanraya sebagai wakil rakyat jelas menggambarkan perubahan serta meningkatnya kepercayaan parti terhadap kewibawaan kaum wanita. Malah ini membuktikan bahawa wanita sudah berani tampil ke hadapan dalam arena politik. Kemenangan 43 orang wanita (20 wakil di Parlimen dan 23 wakil ADUN) menunjukkan keterbukaan masyarakat untuk menerima wakil rakyat wanita. Namun dalam hal ini, PAS masih jauh ketinggalan kerana tidak ada seorang pun wanita PAS yang dibenarkan bertanding dalam pilihanraya ke 10. Menurut Ramlah Adam (2000),

⁵² Utusan Malaysia, 2 Mei 1996.

⁵³ New Straits Times, 11 Mei 1996.

⁵⁴ YB Dr. Ng Yen Yen adalah Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan yang dilantik selepas pilihanraya 1999.

⁵⁵ Sunday Star ,12 December 1999.

Wanita UMNO merupakan tulang belakang parti yang memainkan peranan besar sebagai perayu undi, pekerja parti yang setia dan golongan pengutip derma yang tekun untuk parti.⁵² YB Dato' Napsiah menegaskan,

*... wanita UMNO were just as committed to the party 40 years ago as they are today. Women were relatively poor but they didn't mind giving up their jewelery or whatever money they had to put into a fund that could help in the party's activities.*⁵³

6.3.1. Wanita Sebagai Wakil Rakyat

Menurut YB Dr. Ng Yen Yen⁵⁴, gender bukan lagi merupakan halangan untuk wanita bergiat dalam politik malah ianya satu kebaikan bagi wanita untuk memenangi pilihanraya.⁵⁵ Beliau mendakwa masyarakat mula menerima wanita sebagai pemimpin dalam politik. Peningkatan peratus wanita dalam pilihanraya sebagai wakil rakyat jelas menggambarkan perubahan serta meningkatnya kepercayaan parti terhadap kewibawaan kaum wanita. Malah ini membuktikan bahawa wanita sudah berani tampil ke hadapan dalam arena politik. Kemenangan 43 orang wanita (20 wakil di Parlimen dan 23 wakil ADUN) menunjukkan keterbukaan masyarakat untuk menerima wakil rakyat wanita. Namun dalam hal ini, PAS masih jauh ketinggalan kerana tidak ada seorang pun wanita PAS yang dibenarkan bertanding dalam pilihanraya ke 10. Menurut Ramlah Adam (2000),

⁵² Utusan Malaysia, 2 Mei 1996.

⁵³ New Straits Times, 11 Mei 1996.

⁵⁴ YB Dr. Ng Yen Yen adalah Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan yang dilantik selepas pilihanraya 1999.

⁵⁵ Sunday Star ,12 December 1999.

...wanita PAS lebih selesa memainkan peranan sebagai penyokong dan pekerja parti di samping mencari pengaruh di kalangan wanita Islam bagi menentukan kejayaan PAS dalam pilihanraya.⁵⁶

Sejarah wanita dicalonkan sebagai wakil rakyat bermula pada tahun 1955. Dato' Halimaton Abdul Majid merupakan tokoh wanita pertama yang bertanding di peringkat Parlimen. Bahkan beliau berjaya memenangi pilihanraya tersebut dan menjadi wakil rakyat wanita pertama serta satu-satunya anggota Parlimen wanita di Tanah Melayu dari tahun 1955-1964.⁵⁷ Beliau pernah menegaskan bahawa sekiranya wanita benar-benar mempunyai azam dan semangat yang kuat, tidak mustahil jawatan Perdana Menteri akan disandang oleh wanita.⁵⁸ Namun tidak dinafikan usaha untuk meletakkan Dato' Halimaton bertanding sebagai calon pilihanraya menemui banyak kesukaran. Wakil-wakil dari PKI sendiri telah berulang kali menyuarakan keinginan untuk meletakkan wanita sebagai calon. Malah mereka pernah mengancam untuk memulau pilihanraya tahun 1955, sekiranya tidak diberikan peluang yang lebih besar kepada wanita dalam pilihanraya.⁵⁹ Para pemimpin parti induk pada masa itu berpendirian bahawa wanita hanya akan dibenarkan bertanding sekiranya mereka difikirkan layak.⁶⁰ Selepas 1959, tuntutan supaya kaum wanita mendapat kerusi yang lebih dalam pilihanraya terus menjadi agenda yang utama. Malah rungutan tentang ketiadaan wakil Muslimat PAS dalam parlimen juga pernah dibangkitkan oleh Sakinah Junid iaitu Ketua DMP yang keempat pada tahun

⁵⁶ **Utusan Malaysia**, 8 Jun 2000.

⁵⁷ **Utusan Malaysia**, 2 Mei 1996 .

⁵⁸ Manderson, L., op.cit., m.s. 194.

⁵⁹ **Ibid.**, m.s. 224.

⁶⁰ Aishah Ghani, "Peranan Wanita UMNO dalam Politik Kebangsaan", dalam Wan Hasyim Wan Teh (pnyt), **UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan**, Kuala Lumpur, Mahir Publications, 1993, m.s. 238.

1962.⁶¹ Para pemimpin lelaki PAS telah berjanji akan meletakkan calon wanita yang ramai pada pilihanraya 1964, tetapi janji ini tidak pernah tertunai sehingga ke hari ini.

Sehingga pilihanraya ke-10 baru-baru ini, PAS masih tidak meletak wanita sebagai calon walaupun bilangan golongan profesional sudah membanjiri parti tersebut. Menurut Timbalan Presiden PAS, Senator Hassan Shukri, ‘.....*there was too much mud slinging in election campaigning which was not suitable for women*’⁶² Di samping itu, seorang pemimpin PAS juga telah mengemukakan beberapa syarat yang menunjukkan halangan secara terbuka kepada wanita PAS untuk maju dalam politik.⁶³ Antaranya, calon wanita mesti berumur 40 tahun ke atas, suami mengizinkan, tidak mempunyai anak kecil, dan belum mempunyai anak yang telah berkahwin. Syarat-syarat ini adalah terlalu remeh serta tidak menampung kehendak golongan profesional muda dan korporat Melayu yang mempunyai keyakinan diri dan jati diri yang tebal. Sampai bila PAS akan memberi alasan yang sama setiap kali isu wanita sebagai calon timbul terus menjadi tanda tanya terutama di kalangan ahli wanita profesional yang sudah lari dengan pelbagai cabaran sepanjang karier mereka.

Menurut Senator Jamilah Ibrahim, walaupun pucuk kepimpinan PAS pernah menawarkan kerusi pilihanraya kepada ahli-ahli wanita tetapi ia telah ditolak kerana DMP merasakan ahli-ahli wanita masih belum bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai wakil rakyat. Hal ini turut disokong oleh Dr. Lo' Lo'. Dalam kenyataannya

⁶¹ Dancz, V.H., *op. cit.*, m.s. 135.

⁶² **The Star**, 30 April 2000.

⁶³ **Utusan Malaysia**, 8 Jun 2000.

kepada sebuah akhbar tempatan beliau mendakwa yang Mursyidul Am PAS telah menawarkan kerusi di Kelantan dalam pilihanraya tetapi telah ditolak oleh DMP.⁶⁴ Beliau mendakwa pada masa itu DMP belum bersedia untuk memikul beban tugas sebagai seorang wakil rakyat.

Sementara itu, PWU masih meneruskan usaha-usaha untuk meramaikan lagi calon-calon wanita dalam pilihanraya bagi mengisi kerusi DUN dan Parlimen. Bahkan PWU hari ini cukup berbangga dengan bilangan wanita yang telah pun mendapat tempat yang sedemikian dan mendakwa ianya sebagai satu simbol kejayaan wanita Melayu dalam politik. Berlainan dengan UMNO, PAS memang memegang prinsip untuk tidak membenarkan wanita menjadi calon pilihanraya. Muslimat PAS memang menunjukkan minat yang mendalam terhadap isu politik tetapi mereka telah dihalang untuk terlibat secara langsung sama ada di peringkat negeri atau pusat. Kekalahan PAS di Kelantan dan Terengganu dalam tahun 1986 dikatakan berpunca daripada ketiadaan wanita di peringkat awam.⁶⁵ Ditambah pula dengan kempen-kempen daripada wanita UMNO yang telah menggunakan peluang ini untuk menggambarkan bahawa PAS menyekat dan mendiskriminasikan wanita di dalam politik.⁶⁶

⁶⁴ **SundaY Star**, 7 Januari 2001.

⁶⁵ Wazir Jahan Karim, **Women, Culture Between Malay Adat and Islam**, m.s. 111.

⁶⁶ Wazir Jahan Karim, "Women in Politics", m.s. 107.

Tuduhan bahawa PAS mendiskriminasi kaum wanita bukan perkara baru. Kenyataan-kenyataan⁶⁷ yang dikeluarkan oleh Mursyidul Am PAS iaitu Dato' Nik Abdul Aziz mengundang kontroversi terhadap kedudukan wanita dalam PAS khususnya dan masyarakat umumnya. Ditambah pula dengan liputan-liputan yang diberi oleh akhbar-akhbar tempatan setiap kali Menteri Besar Kelantan ini mengemukakan pandangan beliau mengenai wanita. Liputan yang diberi menggambarkan bahawa Dato' Nik Aziz sememangnya tidak menggalakkan penglibatan kaum wanita bukan sahaja dalam bidang politik bahkan di luar institusi keluarga itu sendiri.

Puan Zaironi Othman⁶⁸ berpendapat sekiranya seseorang individu itu mempunyai cita-cita yang tinggi dalam politik maka PAS akan dilihat sebagai mendiskriminasi kaum wanita kerana ketiadaan calon wanita bertanding sejak tahun 1969. Tetapi matlamat perjuangan Muslimat PAS bukan untuk mencapai kedudukan di dalam politik dan ketiadaan wakil Muslimat di dalam pilihanraya tidak dianggap sebagai suatu isu yang besar.⁶⁹ Pandangan Puan Zaironi mungkin dianggap hanya pandangan peribadi beliau mengenai wanita PAS. Namun ianya turut disokong oleh beberapa orang tokoh wanita lain termasuk ketiga-tiga orang senator wanita PAS di Dewan Negara. Begitu juga dengan beberapa orang tokoh wanita PAS di peringkat negeri. Tambahan pula, bukan satu rahsia bahawa PAS sememangnya tidak melantik wanita dalam barisan kepimpinan termasuk sebagai calon pilihanraya. Wanita-wanita yang menyertai PAS sudah sedia

⁶⁷ Kenyataan mengenai wanita bekerja semasa merasmikan Wacana Islam dan Kemakmuran Ekonomi pada 16 Mac 2000. Ucapan beliau menyentuh agar satu kajian dibuat untuk meringankan beban tugas dan tanggungjawab bagi wanita bekerja. Tetapi akhbar melaporkan 'PAS kaji wanita bekerja'. Sila lihat *Utusan Malaysia*, 22 Mac 1999.

⁶⁸ Puan Zaironi Othman merupakan Setiausaha Penerangan PAS Negeri Terengganu.

⁶⁹ *Harakah*, 4 Oktober 1999; *Harakah*, 22 November 1999.

maklum mengenai hal ini termasuk golongan profesional yang bangun mengkritik semasa Muktamar PAS ke 46.

Sejak PAS berada di bawah pimpinan baru atau lebih dikenali sebagai kepimpinan ulama,⁷⁰, pada tahun 1983, ia telah menutup peluang Muslimat untuk menjadi calon. Ini merupakan satu keadaan yang berbeza semasa di awal penubuhan PAS, Khadijah Sidek (1959), Salmah Hussain (1964) dan Fatimah Haji Bahari (1959) telah dibenarkan bertanding.⁷¹ PAS beranggapan bahawa Islam tidak membenarkan wanita menjadi ketua.⁷² Sebelum tahun 1968, kedudukan wanita PAS dalam parti dan keahlian dalam Parlimen dirujuk kepada Dewan Ulamak. Ini dikatakan satu strategi dari kepimpinan kaum lelaki dengan menggunakan agama dan mengikat kaum wanita dengan kerja-kerja domestik. Agama sering digunakan ke atas wanita menjadikan mereka pelaku politik yang pasif dan memberi ruang kepada lelaki untuk menerajunya.

Keputusan pucuk pimpinan PAS untuk tidak membenarkan wanita bertanding dalam tahun 1983 telah disambut baik oleh Ketua Dewan Muslimat PAS iaitu Wan Asma Abdul Kadir.⁷³ Beliau mengakui bahawa wanita lebih berperanan membantu calon-calon lelaki PAS semasa pilihanraya dan mereka percaya bahawa wanita tidak layak untuk

⁷⁰ Ulamak ialah perkataan yang di gunakan untuk merujuk kepada pemimpin yang mempunyai pengetahuan agama dan alim. Sila Lihat *Ulama' In Politics*, Ishtiaq Quresh, 2nd ed. Karachi, 1974, m.s. 12.

⁷¹ Khadijah Sidek dan Salmah Hussain bertanding dalam Pilihanraya Persekutuan 1959 dan menang di Terengganu dan Kedah. Fatimah Haji Bahari pula bertanding pilihanraya negeri tetapi beliau kalah. Sila lihat Manderson, *op.cit.*, m.s. 362-366.

⁷² Ibrahim Abu Bakar, "Perbandingan Pemilihan Politik Agama PAS dan UMNO", m.s. 128.

⁷³ Wan Asma Wan Abdul Kadir ialah Ketua Dewan Muslimat PAS 1983-1991.

menjadi calon.⁷⁴ Hari ini muslimat mempunyai pandangan yang berbeza tentang cadangan untuk tidak meletakkan wanita sebagai calon. Mereka melihat ketiadaan calon wanita PAS dalam pilihanraya sebagai kebaikan kepada kaum wanita itu sendiri. Sekiranya wanita diletakkan sebagai calon wakil rakyat, mereka akan mengalami banyak halangan kerana Muslimat PAS terpaksa mengeluarkan tenaga dan wang yang berkali ganda berbanding dengan wanita UMNO. Menurut Jamilah Ibrahim, PAS tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menyokong kemenangan mereka.⁷⁵ Sekiranya kaum lelaki PAS terpaksa berhadapan dengan masalah kekurangan sumber semasa pilihanraya, maka beban yang terpaksa ditanggung oleh wanita PAS lebih berat.

Muslimat PAS tidak menganggap ketiadaan calon wanita dalam pilihanraya sebagai satu bentuk diskriminasi ke atas wanita.⁷⁶ Muslimat PAS beranggapan bahawa tugas sebagai wakil rakyat merupakan satu tanggungjawab yang berat serta tidak boleh dipandang ringan. Seorang wakil rakyat pada hakikatnya perlu melayan tuntutan rakyat yang diwakilinya tidak kira malam atau siang. Sebagai wanita, keadaan ini mungkin boleh mengganggu peranan mereka sebagai isteri dan ibu di rumah.⁷⁷ Menurut YB Husam Musa,

...Tetapi UMNO tidak boleh mengatakan PAS tidak memberi penghormatan kepada penglibatan wanita. Wanita dalam PAS sebenarnya dibenarkan bergerak dalam cara yang dibenarkan setakat mana mereka boleh bergerak..jadi ianya bergantung kepada wanita itu samada ingin bergerak aktif, separuh aktif ataupun hanya sebagai pemerhati.⁷⁸

⁷⁴ Ibrahim Abu Bakar, "Perbandingan Pemilihan Politik Agama PAS dan UMNO", m.s. 126.

⁷⁵ Liaisma, "Muslimat PAS Tidak Taksub", *Gossip*, Oktober, 2000, m.s. 59-61.

⁷⁶ *Harakah*, 4 Oktober 1999; *Harakah*, 22 November 1999; *Harakah*, 30 April 2000.

⁷⁷ Temubual dengan Mariam Taib, Ketua Penerangan PAS Terengganu di Wisma Daruliman, Kuala Terengganu pada 26 Julai 2000.

⁷⁸ Temubual dengan Yb Husam Musa di Parlimen pada 13 April 2000.

YB Nasharudin menegaskan lagi,

...bagi kita (PAS), bangun mempertahankan dan memperkatakan sesuatu itu lebih penting daripada siapa yang mempertahankannya.⁷⁹

Nasharudin berpendapat, menyuarakan sesuatu perkara itu lebih utama berbanding dengan jantina orang menyuarakannya. Pandangan kedua pemimpin muda PAS ini jelas menggambarkan bahawa ruang-ruang atau batas-batas untuk wanita PAS bergerak di dalam parti adalah ditentukan oleh pemimpin lelaki. Mereka masih melihat wanita dalam konteks peranan tradisional. Wanita diberi peluang untuk bergerak dalam politik tetapi dalam batas-batas tertentu yang ditetapkan oleh lelaki.

Selain daripada itu, berdasarkan temubual yang dibuat, penulis mendapati terdapat perbezaan pendapat di antara Muslimat PAS Terengganu dan Muslimat PAS Pusat. Menurut Puan Hamidah Daud⁸⁰, kebanyakan muslimat PAS negeri Terengganu menolak cadangan Pusat untuk meletakkan wanita sebagai calon dalam pilihanraya. Seorang daripada wakil Muslimat Negeri Terengganu menyatakan,

Muslimat Pas negeri cukup tidak berpuas hati dan marah dengan sikap muslimat Pas Pusat...(Ini kerana) Muslimat Terengganu telah ditarbiyah (dididik) supaya menjalankan tanggungjawab "amal makruf nahi munkar" kepada masyarakat tanpa mengharapkan sebarang jawatan tetapi lebih kepada melaksanakan tugas dan tanggungjawab.⁸¹

⁷⁹ Temubual dengan YB Nasharuddin Isa di Parlimen pada 13 April 2000.

⁸⁰ Puan Hamidah Daud merupakan Ketua Penerangan Muslimat Terengganu.

⁸¹ Temubual dengan AJK DMP Terengganu. Pengkaji dimaklumkan bahawa setelah Muktamar PAS ke 46 berlangsung telah diadakan pertemuan di kalangan Muslimat PAS negeri Terengganu bagi membincangkan mengenai isu wakil rakyat wanita. Kata sepakat telah diambil bahawa mereka belum bersedia untuk menghantar calon wanita dalam pilihanraya dan tindakan AJK DMPP tidak mewakili Muslimat di Terengganu.

Ini menunjukkan sikap segelintir wanita PAS dalam kes kajian yang menolak penonjolan kaum mereka untuk berada di peringkat kepimpinan dan pemutus dasar.

6.3.2. Wanita dan Kedudukannya Di Peringkat Membuat Keputusan

Kehadiran kaum wanita di dalam Parlimen atau Dewan Rakyat dan Dewan Negara dianggap penting supaya mereka berpeluang untuk mengemukakan secara langsung masalah wanita⁸² Dengan kehadiran mereka di Parlimen dan Dewan Rakyat, wakil wanita akan berpeluang bukan sahaja menyuarakan isu-isu yang berkaitan dengan wanita tetapi isu-isu lain daripada perspektif wanita itu sendiri. Malah ia akan memberi mereka peluang untuk turut serta dalam menentukan polisi-polisi negara bagi kepentingan masyarakat. Oleh itu amatlah penting bagi wanita untuk diberi peluang menyertai barisan pembuat dasar dalam kerajaan.

Dalam kajian yang dijalankan didapati responden cenderung untuk melabelkan jenis pekerjaan yang memimpin kepada kaum lelaki.

⁸² Seperti yang dinyatakan oleh YB. Khamsiah Yeop, YB. Mastika Junaidah, YB. Datuk Sharifah Noli, YB. Rohani Karim, YB Datin Paduka Zaleha Ismail, Senator Karimah, Senator Huzaizah, Senator Jamilah Ibrahim, Senator Safinah Yusof sewaktu di tanyakan akan kepentingan wakil rakyat di kalangan wanita. Ini turut disokong oleh wakil-wakil daripada kaum lelaki seperti YB Husni dan YB Abdul Latif. Malah YB Datuk Fadhil Noor juga memandang tinggi akan kepentingan wakil wanita di dalam Dewan Rakyat. Temubual dijalankan di Parlimen pada 28 Mac 2000.

Jadual 6.7: Peratus Ekspektasi Responden Terhadap Hubungan Gender dalam Pekerjaan

JENIS PEKERJAAN	PEREMPUAN (n=135)			LELAKI (n=136)		
	PEREMPUAN %	LELAKI %	KEDUA %	PEREMPUAN %	LELAKI %	KEDUA %
PENSYARAH	7.8	3.9	86.7	6.7	3.7	88.1
PENGHULU	0	96.8	1.6	0	98.3	0
MENTERI BESAR	0	90.6	7.9	0	94.8	3.7
TIMBALAN MENTERI	6.2	60.8	30.8	4.4	54.4	39.7
PROFESOR	2.3	10.4	85.9	1.5	7.4	90.4
PENGETUA	4.7	25.0	68.8	2.2	32.6	63.7
WAKIL RAKYAT	.8	55.0	43.4	0	49.6	49.6
PERDANA MENTERI	0	93.8	3.9	0	96.3	2.2

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Peratus responden lelaki dan wanita dalam kajian ini yang bersetuju bahawa wanita dan lelaki adalah sama layak untuk memegang jawatan sebagai pemimpin seperti penghulu, menteri besar dan perdana menteri adalah kecil. Terdapat 90.0% responden lelaki berpendapat hanya kaum lelaki sahaja yang layak untuk menjadi penghulu dan menteri besar. Suatu perkara yang menarik ialah, responden lelaki dan wanita juga mendakwa pekerjaan sebagai pensyarah dan professor sesuai untuk kedua-dua jantina tetapi mereka melabelkan kaum lelaki sebagai lebih layak untuk menjadi profesor. Ini dibuktikan melalui nilai peratus yang menyokong lelaki memegang jawatan professor lebih tinggi berbanding dengan wanita. Di samping itu, terdapat 93.8% responden wanita dan 96.3% responden lelaki berpendapat hanya kaum lelaki sahaja yang layak menjadi perdana menteri. Data yang diperolehi dengan jelas menunjukkan bahawa masyarakat masih cenderung untuk meletakkan kepimpinan dan jawatan membuat keputusan di

bawah teraju kaum lelaki. Ia mempunyai hubungan dengan kecendurangan masyarakat melabelkan sesuatu pekerjaan itu berdasarkan kepada lelaki itu lebih superior daripada wanita. Wanita diharapkan lebih sensitif dan peka kepada perasaan orang lain, memberi sokongan manakala lelaki pula lebih rasional dan tajam penganalisaannya.⁸³

Dalam menyuarakan polisi-polisi yang menyentuh tentang kepentingan dan kebijakan wanita, didapati wanita UMNO telah jauh ke hadapan. Ini tidak menghairankan memandang wanita UMNO mempunyai suara di dalam barisan kabinet kerajaan walaupun hanya dengan bilangan yang kecil. Mereka telah berjaya mengetengahkan beberapa isu penting bersangkut-paut dengan kehidupan wanita dan negara seperti soal-soal kebijakan, sosial, pendidikan dan politik. Pengiktirafan Kementerian Hal Ehwal Wanita yang diterajui oleh YB Datuk Shahrizat Jalil menunjukkan keperihatinan kerajaan untuk membela nasib wanita. Ini merupakan sebahagian daripada perjuangan wanita UMNO yang ingin melihat nasib kaum hawa terbela. PAS pula tidak mempunyai wakil wanita di Parlimen. Namun berdasarkan perjalanan perbahasan di Dewan Rakyat⁸⁴ dan Dewan Negara,⁸⁵ wakil-wakil PAS lelaki juga tidak ketinggalan membawa isu-isu yang berkaitan dengan wanita.⁸⁶ Isu-isu gejala sosial yang melanda muda-mudi turut diberi perhatian oleh wakil PAS.⁸⁷

⁸³ Stockard, J. & Miriam M. Johnson., *op.cit.*, m.s. 13.

⁸⁴ Pemerhatian semasa Sidang Dewan Rakyat di Parlimen pada 15 Februari-17 April 2000.

⁸⁵ Pemerhatian semasa sidang Dewan Negara di Parlimen pada 17 April 2000-4 Mei 2000 .

⁸⁶ Contohnya ucapan YB Hassan Ali berkenaan dengan peruntukan untuk HAWA telah dikurangkan daripada hampir RM22 juta pada tahun 1999 kepada RM1.5 juta bagi tahun 2000. Untuk rujukan ucapan yang lebih lengkap sila lihat <http://www.parti-Pas.org/mppas/isusemasa/17apr2000_hasanali.html>. Teks ucapan yang dibaca dalam sidang dewan pada 17 April 2000.

⁸⁷ Pemerhatian semasa sidang Dewan Rakyat di Parlimen pada 15 Februari-17 April 2000.

Muslimat PAS mendakwa mereka tidak perlu berlumba-lumba menyuarakan supaya hak-hak wanita didengari. Ini kerana pucuk pimpinan PAS sendiri menyedari betapa perlunya menjaga hak dan kepentingan kaum wanita. Menteri Besar Kelantan telah mengadakan beberapa polisi yang dikira menguntungkan kaum wanita seperti waktu kerja anjal, cuti bersalin 60 hari, hari bekerja 5 hari seminggu. Beliau juga dikatakan bercadang untuk memberikan elauan bulanan kepada surirumah mengikut bilangan anak.⁸⁸ Bagi menunjukkan pucuk pimpinan PAS tidak pernah menyekat atau menghalang kaum wanita dari berpolitik, PAS juga telah melantik tiga orang senator daripada kalangan wanita bagi membahaskan rang undang-undang di Dewan Negara.

Wanita PAS juga mendakwa, walaupun wanita UMNO lebih berjaya dalam tuntutan politik mereka tetapi ia gagal mengatasi persoalan sosial masyarakat Melayu Islam. Malah mereka telah menuding jari kepada wanita UMNO apabila timbulnya masalah sosial dalam masyarakat Melayu-Islam. Ini agak kurang adil kerana terdapat pelbagai faktor yang mendorong ke arah kepincangan masyarakat seperti faktor globalisasi dan peranan media. Muslimat Pas seharusnya berjuang bersama-sama dengan wanita UMNO jika mereka benar-benar ingin membaiki kepincangan yang berlaku dalam masyarakat dan bukan sekadar menjadi pengkritik di belakang pemimpin lelaki PAS.

6.4. Wanita dan Kepimpinan

Perlembagaan Persekutuan memberi hak yang sama ke atas lelaki dan wanita. Tetapi peradaban dan budaya sosial telah menyekat pembabitan wanita dalam arena

⁸⁸ Sila lihat laman web<<http://www.pas-org.net>>.

publik. Adakah wanita tidak layak menjadi pemimpin memandangkan mereka terikat dengan peranan tradisional sebagai ibu dan isteri? Adakah agama dan budaya menjadi halangan utama bagi seorang wanita untuk diterima sebagai pemimpin?

Konsep kepimpinan bagi seorang wanita bukan hanya ketika berada di dalam institusi keluarga. Malah konsep kepimpinan ini merangkumi bidang-bidang lain yang lebih luas dan lebih besar tanggungjawabnya untuk kepentingan negara. Sifat-sifat kepimpinan seseorang individu itu tidak lahir secara semulajadi bahkan perlu diasuh dan dipupuk. Ini bermakna ruang untuk kaum wanita menjadi seorang pemimpin yang baik sentiasa terbuka asalkan mereka diberi peluang. Walaupun kini peluang pendidikan semakin baik untuk wanita dan ramai yang mempunyai kelayakan untuk memimpin tetapi wanita masih tidak diberi peluang yang sama seperti kaum lelaki. Menurut pakar psikologi dari Kanada, A. Paul P. Loftus, kewujudan ‘glass ceiling’ menghalang kemajuan wanita dalam pelbagai bidang. ‘Glass Ceiling’ atau suatu keadaan apabila wanita diberi peluang yang sama untuk merebut jawatan tetapi apabila sampai ke suatu tahap, peluang mereka disekat.⁸⁹ Politik siling kaca di kalangan orang Melayu menyebabkan budaya yang sedia ada mengukuhkan tanggapan umum bahawa lelaki yang harus memimpin dan bukan wanita.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO 2000, sumbangan wanita terhadap dunia politik terus dianggap sepi bila keempat calon wanita yang bertanding untuk jawatan dalam majlis tertinggi UMNO ditolak oleh perwakilan UMNO. Sebilangan besar wanita

⁸⁹ Watan , 1 Januari 1996.

UMNO melahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap penolakan ini. Ada juga di antara mereka yang menyuarakan ketidakpuasan mereka tentang bilangan menteri penuh wanita. Mereka berharap Barisan Nasional akan menambah bilangan menteri untuk wanita. Perkara ini sudah lama menjadi harapan para perwakilan wanita UMNO. Sewaktu Perhimpunan Agung UMNO tahun 1995 misalnya perwakilan UMNO bahagian Mentakkab, Pahang, Puan Hamidah Katib Awang telah meminta supaya jumlah menteri penuh wanita ditambah.⁹⁰ Usul beliau telah disokong oleh 516 orang wakil wanita seluruh negara. Namun seperti tahun yang sudah, tidak banyak jawatan menteri yang diberikan kepada wanita.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Dr. Norraesah Mohamad, Datuk Maznah Abdul Hamid, Raja Ropiah Raja Abdullah dan Datin Paduka Zaleha Ismail merupakan lima orang calon wanita yang gagal menempatkan diri dalam majlis tertinggi UMNO. Pelbagai sebab diberikan bagi menjustifikasi kekalahan ini terutama menyalahkan pentadbiran lama PWU yang didakwa tidak mempunyai strategi bagi menyokong dan menolong calon yang bertanding.⁹¹ Namun begitu menurut seorang calon yang gagal, kekalahan kaum wanita itu dianggap sebagai petanda bahawa kaum lelaki masih tidak dapat menerima wanita sebagai pentadbir negara atau pembuat keputusan di dalam parti.⁹² Tambahan pula 90% perwakilan UMNO adalah kaum lelaki. Kenyataan ini jelas berdasarkan jumlah undi yang diterima oleh calon wanita, jumlah undi tertinggi yang diperolehi hanyalah 786 undi berbeza dengan undi tertinggi lelaki iaitu 1647. Ini menunjukkan bahawa kaum lelaki

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ Berita Harian, 13 Mei 2000.

⁹² Pemerhatian semasa perhimpunan Agung UMNO, 11-13 Mei 2000.

tidak memandang serius terhadap kebolehan wanita di peringkat tertinggi parti. Mereka mungkin tergugat dengan penampilan wanita sebagai pemimpin dan menolak pencalonan kaum hawa ini.

Wanita MCA serta MIC pula sering mendesak supaya wakil-wakil wanita sebagai calon pilihanraya di peringkat negeri dan parlimen ditambah. Presiden MCA sendiri aktif melakukan perubahan dalam struktur dalaman parti agar bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dapat ditingkatkan.⁹³ Menurut Dr. Ng Yen Yen (1998) "...*today the typical MCA man is a more gender sensitive one..*".⁹⁴ Dalam tahun 1995, pindaan perlumbagaan parti MCA telah membolehkan seorang wanita dilantik menjadi ketua atau wakil bahagian bagi setiap bahagian.⁹⁵ Dalam tahun 1999, 54 orang wanita telah dilantik sebagai *local councilors* oleh MCA berbanding 10 orang dalam tahun 1995.

Namun begitu, wanita UMNO tetap menunjukkan prestasi yang membanggakan apabila kebanyakan mereka yang bertanding dalam pilihanraya ke 10 telah menang iaitu seramai 11 orang di Parlimen dan 60 orang di peringkat negeri. Dr. Siti Zaharah, Datin Sri Rafidah, Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Napsiah dan YB Mastika Junaidah muncul dengan kedudukan yang menyakinkan walaupun ramai calon lelaki termasuk bekas menteri kanan yang kecundang.⁹⁶ Prestasi pencapaian yang paling menonjol ialah

⁹³ Sila rujuk lama web, <<http://www.mca.org.my/mca/html/publications>>.

⁹⁴ "In Celebration of Women's Achievements in Malaysia", *The Guardian*, 13/v3/1998. Sila lawat laman web <<http://www.mca.org.my/mca/html/publications>>.

⁹⁵ *New Straits Time*, 25 November, 1999.

⁹⁶ Norhisyam Mustafa, "YB. Perempuan: Sejauhmana Dipercayai?", *Perempuan*, Februari 2000, m.s. 78-81.

kemenangan YB Mastika di Parlimen Arau. Beliau berjaya mengalahkan seorang tokoh ulamak di kawasan yang diramal akan menjadi medan maut bagi calon UMNO.⁹⁷ Menurut YB Mastika, tidak ramai yang menaruh kepercayaan kepada beliau untuk bertanding di kawasan itu malah segala gerak kerja atau kempen semasa pilihanraya terpaksa dilakukan sendiri tanpa bantuan parti.⁹⁸

Kepimpinan adalah satu peringkat apabila masyarakat menerima sesuatu aktiviti atau tingkahlaku sekelompok individu sebagai satu cara untuk mempengaruhi golongan yang lain. Ia adalah satu kelakuan yang ada pada diri seseorang individu untuk membentuk satu peraturan atau undang-undang atau cara hidup bagi orang lain. Namun begitu pengertian proses pembentukan budaya kepimpinan ini hanya dipakai bagi golongan lelaki sahaja. Walaupun kaum wanita banyak menyumbang kepada pembangunan masyarakat tetapi mereka dikecualikan daripada kedudukan yang mempunyai kuasa. Perbezaan di antara penyertaan lelaki dan wanita dalam aktiviti-aktiviti seperti pengundian dan kempen *grass root* adalah kecil tetapi perbezaan mereka dalam jawatan politik adalah besar. Waylene (1996), memetik daripada Staudt (1989) yang mendakwa walaupun ramai wanita yang berada dalam birokrasi tetapi tidak ramai yang berada dalam kedudukan tinggi hirarki kerajaan.⁹⁹ Seperti yang dinyatakan oleh YB Mazidah Zakaria, PWU dan Muslimat PAS hanya memainkan peranan sokongan kerana

⁹⁷ Ibid.

⁹⁸ Temubual dengan YB Mastika Junaidah di Parlimen pada 12 April 2000.

⁹⁹ Waylene, G., "Analysing Women In The Politics of The 3rd World", m.s. 7-24.

kaum wanita dalam bahagian cawangan atau kawasan kedua parti tersebut dikecualikan dari penggubalan dasar dan kepimpinan awam.¹⁰⁰

Walaupun PWU mendakwa telah berjaya menaikkan martabat wanita dalam bidang politik tetapi realitinya bilangan wanita di peringkat kepimpinan masih jauh ketinggalan. Kenyataannya PWU hanya mendokong perjuangan dan cita-cita UMNO.¹⁰¹ Dunia politik masih dicorak mengikut percaturan kaum lelaki. Wanita seharusnya keluar daripada ikatan politik kepartian yang memberi kekuasaan kepada kaum lelaki. Ini adalah perlu bagi membantu kaum wanita sendiri dalam politik dan bidang lain.

6.4.1. Politik dan Diskriminasi Gender

Sekiranya ditanya kaum lelaki adakah wanita mengalami diskriminasi dalam politik maka sudah pasti kaum lelaki akan menafikannya. Menurut YB Husni lagi, diskriminasi tidak mungkin wujud dalam sistem politik Malaysia kerana masyarakat Malaysia sudah bersikap terbuka. Tambahan pula wanita juga mempunyai kebebasan sebagaimana kaum lelaki untuk bergiat aktif. Beliau mendakwa sebagai pembuat keputusan dalam parti adalah berdasarkan kepada kewibawaan wanita bukan kerana status jantina. Jikalau ada tentangan sekalipun, ianya datang daripada kaum wanita sendiri. Ini turut disokong oleh Encik Borhan. Menurut beliau,

¹⁰⁰ Sila lihat Nik Safiah Karim, **Wanita Malaysia: Cabaran dan Masa Depan**, m.s. 64-65.

¹⁰¹ Syed Jaafar Albar, **Sa-Layang Pandangan Sejarah Perjuangan UMNO 20 Tahun**, UMNO 20 Tahun, t.t. m.s. 39.

Saya tidak setuju dengan kenyataan wujudnya diskriminasi dalam politik. Tiada pilih kasih dalam politik, tetapi wanita perlu tahu cara untuk tawan hati kaum lelaki bagi meraih sokongan tetapi dalam hal-hal lain politik memberi peluang yang sama kepada lelaki dan wanita.¹⁰²

Encik Borhan merujuk kepada senario ketiadaan wakil Majlis Tertinggi UMNO di kalangan wanita bukan satu bentuk diskriminasi atau tidak mengiktiraf peranan wanita sebaliknya kerana calon lelaki dilihat lebih berwibawa. Beliau juga mengatakan bahawa wanita perlu menggunakan cara-cara yang tertentu untuk menawan hati kaum lelaki seolah menggambarkan bahawa kredibiliti wanita tidak akan dipandang tetapi sifat kewanitaan akan lebih dihargai sekiranya ingin dipilih oleh kaum lelaki.

Kenyataannya, diskriminasi masih wujud dalam senario politik tanahair. Ahli politik lelaki melaungkan bahawa wanita diberi peluang bergiat bebas dalam arena politik tetapi kata-kata mereka tidak disokong oleh sebarang tindakan yang komprehensif bertujuan untuk memperbaiki kedudukan wanita. Mereka mengatakan tiada sekatan kepada wanita untuk menjawat jawatan tinggi dalam negara dan berganding bahu dengan kaum lelaki dalam semua bidang. Sekiranya Malaysia memerlukan undang-undang baru bagi menjamin tiada sebarang diskriminasi ke atas wanita, ini menunjukkan undang-undang bertulis yang sedia ada tidak dapat mengawal perkara ini daripada berlaku.¹⁰³ Wanita tetap terkebelakang. Ini terjadi kerana stereotaip lelaki terhadap wanita yang menganggap kaum wanita tidak sesuai untuk memimpin lelaki dan pendapat wanita lebih

¹⁰² Temubual dengan Encik Borhan, perwakilan UMNO dari Kedah di Perhimpunan Agung UMNO pada 12 Mei 2000.

¹⁰³ Antara perundungan sedia wujud yang didakwa mempunyai unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita ialah Akta Penjagaan Budak 1961, Prinsip Hadanah dalam Islam, Akta kesejahteraan 1961 dan Prinsip Domisil, Akta Imigresen 1959/63 (Akta 1955) dan Undang-undang yang berkaitan dengannya. Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila lihat Rozi Bainun, *op.cit.*, m.s. 99-114.

berunsurkan emosi¹⁰⁴, satu mentaliti yang menjadi intipati budaya masyarakat Melayu dan telah diserapkan ke dalam budaya politik.¹⁰⁵ Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Parlimen Tambun iaitu YB Husni,

Politik adalah satu bidang yang sukar. Di antara lelaki dan wanita, wanita lebih sensitif. Sebagai ahli politik, sikap sensitif adalah satu kerugian. Politik bukan dunia yang senang.¹⁰⁶

Di peringkat kawasan, bahagian atau cawangan dan negeri wanita terpaksa menempuh pelbagai halangan untuk berada di kalangan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Parti terutama sebagai pemimpin yang mana ianya merupakan satu langkah untuk mencari pengaruh dalam politik.¹⁰⁷ Inilah merupakan sebahagian daripada faktor utama mengapa wanita tidak dapat menguasai politik tempatan. Kepimpinan di peringkat bahagian dan cawangan dikuasai oleh kaum lelaki. Kebanyakan ahli di peringkat *grass roots* sama ada kaum lelaki atau wanita lebih yakin untuk melantik kaum lelaki mengetuai mereka.

Hasil kajian menunjukkan 73.0% responden wanita bersetuju bahawa diskriminasi gender memang wujud dalam politik dan 53.7% responden lelaki menyokong kenyataan ini. Seramai 53.7% responden lelaki mengatakan tidak ada diskriminasi dalam politik. Peratus responden wanita UMNO yang mengatakan demikian adalah lebih tinggi iaitu 71.4% berbanding dengan responden lain, wanita PAS (42.4%), lelaki PAS (36.8%) dan

¹⁰⁴ Temubual dengan Encik Borhan, perwakilan dari Kedah di Perhimpunan Agung UMNO pada 12 Mei 2000.

¹⁰⁵ Berita Harian, 23 April 1996.

¹⁰⁶ Temubual dengan YB Husni Hanadziah di Parlimen pada 17 April 2000.

¹⁰⁷ Noraini Abdullah, "Women's Participation in the Political Development Process in Malaysia", m.s. 102.

lelaki UMNO (70.6%). Ini menunjukkan sama ada lelaki UMNO atau PAS, responden dalam kumpulan ini menafikan kewujudan diskriminasi.

Jadual 6.8: Pandangan Tentang Diskriminasi Gender Dalam Politik

ADAKAH DISKRIMINASI GENDER WUJUD DALAM POLITIK	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN	LELAKI	
UMNO			
YA	73.0%	73.5%	73.3%
TIDAK	27.0%	26.5%	26.7%
JUMLAH	100.0%	100.0%	100.0%
PAS			
YA	46.9%	41.2%	44.0%
TIDAK	53.0%	58.8%	56.0%
JUMLAH	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian LapanganPenulis (2000)

Kesimpulannya, responden wanita UMNO dalam kes ini mengakui kewujudan diskriminasi gender dalam politik berdasarkan kepada kurangnya jumlah perwakilan wanita di peringkat tinggi sama ada dalam barisan kepimpinan parti dan kerajaan serta peranan mereka yang terbatas sebagai tukang kempen. Bagi responden lelaki UMNO pula majoriti menolak kewujudan disriminasi gender. Manakala responden wanita PAS masih mengekalkan pandangan konservatif mereka dengan mengikut sahaja keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti walaupun ianya tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada kedudukan wanita dalam politik. Dengan pandangan yang demikian maka, wanita PAS tidak melihat kedudukan mereka dalam parti dan politik sebagai satu bentuk diskriminasi tetapi lebih berupa kepada kebaikan untuk mereka sendiri. Namun begitu, masih ada 42.4% responden wanita mengakui kewujudan diskriminasi gender dalam politik. Tetapi pada fahaman mereka diskriminasi dalam politik yang dimaksudkan di sini

ialah dari segi ruang dan peluang untuk mendapatkan liputan akhbar. Mereka beranggapan kurangnya liputan tentang aktiviti politik wanita merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap wanita. Liputan yang diberikan akan mempengaruhi pembaca dan masyarakat tentang penonjolan ahli politik. Sekiranya wanita tidak diberi ruang ini maka penampilan wanita akan sentiasa dibayangi oleh ahli politik lelaki. Wanita PAS percaya diskriminasi gender perlu ada kerana peranan serta tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh kaum wanita adalah berbeza dengan kaum lelaki. Golongan ini berpendapat pemimpin mestilah dari kalangan kaum lelaki tetapi perkara ini tidak mendatangkan sebarang kesan dari segi penglibatan wanita dalam politik. Responden lelaki pula seperti yang dijangka menolak sebarang andaian tentang kewujudan diskriminasi gender terutama lelaki PAS yang mendakwa ianya hanya bersarang dalam pemikiran wanita sahaja.

Jadual 6.9: Alasan Responden Tentang Diskriminasi Gender Dalam Politik

APAKAH PANDANGAN MENGENAI DISKRIMINASI GENDER DALAM POLITIK	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN	LELAKI	
WANITA TDK DIBERI RUANG UTK AKTIF HANYA TUKANG KEMPEN SAHAJA	34.8%	24.3%	29.4%
DISKRIMINASI HANYA WUJUD DLM JIWA DAN MINDA WANITA SAHAJA	12.9%	16.2%	14.6%
DISKRIMINASI TDK WUJUD KRN WANITA AKUR DGN PUCUK PIMPINAN	22.7%	53.0%	50.0%
JUMLAH	50.0%	50.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat

mengikut keperluan

Antara alasan yang diberikan oleh 29.4% responden wanita berhubung dengan kewujudan diskriminasi gender dalam politik, ialah wanita tidak diberikan ruang dan peluang untuk bergiat secara lebih aktif. Wanita dilihat tidak mampu berhadapan dengan cabaran dalam politik. Namun begitu, 22.7% responden wanita berpendapat bahawa diskriminasi tidak ketara kerana wanita tetap diberi peluang memegang portfolio dalam parti. Tambahan pula mereka akur dengan peranan-peranan yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan parti yang kebanyakannya adalah kaum lelaki. Kenyataan ini turut disokong oleh 16.2% responden lelaki.

Kesimpulannya, lebih ramai responden wanita dalam kajian ini yang berpendapat bahawa wanita memang tidak diberi layanan yang sama dalam politik. Bagi responden lelaki pula, statistik menunjukkan 24.3% berpendapat wanita tidak diberikan peluang untuk aktif manakala 16.2% pula mengatakan diskriminasi hanya wujud dalam jiwa dan minda mereka sahaja sedangkan wanita tidak didiskriminasikan. Statistik yang diperolehi juga menggambarkan lebih ramai bilangan responden UMNO berpendapat adanya diskriminasi gender dalam politik dengan alasan lelaki lebih sesuai untuk memimpin, kekurangan jawatan untuk wanita dan wanita tidak diberikan peluang. Kaum lelaki juga menolak kewujudan amalan diskriminasi dalam politik. Sebaliknya wanita dilihat sebagai ahli parti yang taat kerana akur dengan keputusan pucuk pimpinan.

Pemilihan perwakilan parti UMNO dan PAS majoritinya masih dikuasai oleh kaum lelaki. Ini kerana di peringkat kawasan, cawangan atau negeri, kebanyakan ahli parti sama ada lelaki atau perempuan tidak menaruh kepercayaan kepada kaum wanita untuk mengetuai mereka dan menjadi wakil dalam perhimpunan agung parti. Ramlah

Adam (1996) juga mendakwa PAS tidak memberi peluang langsung kepada Muslimat untuk berada dalam majlis tempatan/bandaran atau memain peranan sebagai ahli jawatankuasa penting mewakili parti samada di peringkat pusat, negeri, cawangan atau kawasan PAS.¹⁰⁸ Namun begitu YB Husam menafikan dakwaan ini. Beliau menerangkan,

...bahawa dalam sistem politik PAS, wanita tidak perlu bergaduh untuk pemilihan bahagian. Malah mereka mempunyai jawatan-jawatan tertentu untuk kaum wanita, Ketua Muslimat di kawasan, negeri, dan di pusat. Wanita juga mempunyai perwakilan dalam mesyuarat parti yang tertinggi.¹⁰⁹

Sebaliknya YB Husam menegaskan, rungutan-rungutan tentang kewujudan diskriminasi pada wanita atau tidak diberikan perlindungan, menjadi mangsa kepada undang-undang berlaku kerana sistem perundangan yang ada tidak menggunakan asas-asas Islam untuk mengatasi permasalahan yang timbul dalam semua bidang tersebut. Ketidaksamaan gender di antara lelaki dan wanita dalam politik wujud kerana lelaki mempunyai tanggapan bahawa wanita ingin menukar budaya manopoli kaum lelaki dalam bidang ini. Tanggapan ini bukan sahaja tertanam di kalangan ahli politik lelaki tetapi juga menular di semua peringkat kehidupan awam yang berhubung kait dengan bidang pekerjaan lelaki dan wanita.¹¹⁰ Wanita dilihat sebagai satu ancaman kepada dominasi kaum lelaki. Namun, YB Husam menegaskan, peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita sememangnya berbeza. Tetapi perbezaan dari segi kesesuaian menjalankan tugas ini tidak boleh dilihat sebagai satu bentuk diskriminasi.¹¹¹ Sebaliknya

¹⁰⁸ Utusan Malaysia, 2 Mei, 1996.

¹⁰⁹ Temubual dengan YB Husam Musa di Parlimen pada 13 April 2000.

¹¹⁰ Still, Leonie V., **Where to From Here? The Managerial Women in Transition**, Chatswood, Business and Professional Publishing, 1993, m.s. 63-68.

¹¹¹ Temubual dengan YB Husam Musa di Parlimen pada 13 April 2000.

ia adalah satu cara untuk mengiktiraf serta menghormati kaum wanita itu sendiri. Pandangan YB Husam menggambarkan pandangan pemimpin lelaki PAS berkenaan dengan kedudukan ahli wanitanya. Pandangan ini diterima oleh ahli wanita PAS tetapi pihak-pihak lain melihatnya sebagai satu bentuk diskriminasi.

Walaupun bilangan wakil rakyat wanita selepas pilihanraya ke-10 telah meningkat kepada 10.4% tetapi peningkatan ini masih tidak mampu menembusi dominasi kaum lelaki dalam politik di peringkat membuat keputusan. Kebanyakan pemimpin wanita di peringkat kementerian diberi tanggungjawab untuk memegang portfolio–portfolio yang berkaitan dengan kebajikan, kesihatan, pelajaran, budaya dan hal ehwal wanita. Di Malaysia sendiri calon wanita pertama yang memegang jawatan menteri iaitu Fatimah Hasyim dilantik sebagai Menteri Kebajikan Malaysia pada tahun 1969 (Kini dikenali sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat). Kemudian jawatan ini disandang oleh Aisyah Ghani.¹¹² Jawatan ini dianggap sesuai untuk dipegang oleh kaum wanita dan merupakan satu bentuk pengukuhan semula hubungan sosial gender yang mana tugas asas wanita adalah menjaga kebajikan rumah tangga. Menurut Waylen (1996),

Women are always appointed to posts which reflect the role that women so often play in the private sphere', dengan sebab itu mereka '... excluded from key areas such as economy policy, defence and political affairs.¹¹³

Namun begitu, kedudukan ahli politik wanita Malaysia dalam politik lebih memberansangkan berbanding dengan Arab Saudi dan Libya yang langsung tidak mempunyai wakil wanita dalam Dewan Perundangan atau kerajaan. Malah golongan

¹¹² Utusan Malaysia, 2 Mei 1996.

¹¹³ Waylen, G., "Analysing Women in The Politics of The 3rd World", m.s. 11.

wanita Malaysia dalam perjuangan mereka menuntut persamaan hak masih berlandaskan kepada agama dan adat budaya timur tidak seperti pejuang politik wanita barat yang lebih bersikap feminism.¹¹⁴

Dato' Sri Rafidah Aziz telah membuka mata masyarakat Melayu apabila beliau dilantik sebagai Menteri Perusahaan Awam dan kemudiannya sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Perlantikan beliau membuktikan bahawa wanita juga mampu menerajui bidang-bidang yang dianggap '*taboo*' bagi kaum wanita dan milik eksklusif lelaki. Malah kejayaan Dato' Sri Rafidah ini setanding dengan usaha pemimpin wanita sebelumnya untuk memartabatkan kedudukan wanita dalam politik tanah air. Hari ini penonjolan Dato' Sri Rafidah sebagai seorang wanita yang berwibawa dalam politik begitu ketara. Usaha untuk mengetengahkan golongan wanita supaya berada bersama-sama dengan kaum lelaki dalam barisan kepimpinan negara terpaksa menempuh halangan yang banyak. Dalam hal ini golongan wanita juga takut dianggap sebagai agresif dan bercita-cita tinggi.¹¹⁵ Ini kerana sifat-sifat itu sendiri dianggap tidak bersesuaian dengan wanita. YB Datuk Paduka Zaleha mendakwa,

...lelaki kadang-kadang bila dia tengok orang (perempuan) yang lincah dan aktif seperti Rafidah (pun) dia (kaum lelaki) tidak suka.¹¹⁶

Terdapat juga di kalangan pemimpin wanita yang menganggap ahli politik wanita yang terlalu lantang bersuara dan berani mengkritik kepimpinan lelaki sebagai terlalu

¹¹⁴ Berita Harian, 23 April 1996.

¹¹⁵ New Straits Times, 25 November 1999.

¹¹⁶ Temuramah dengan YB Datin Paduka Zaleha Ismail di Parlimen pada 13 April 2000.

emosional. Ada sesetengah wanita berpendapat teguran boleh dibuat tetapi hendaklah mengikut cara dan tatussila yang betul bersesuaian dengan adat dan kebudayaan masyarakat Malaysia.¹¹⁷ Rungutan sering kedengaran setiap kali wakil daripada Batu Gajah (wanita DAP) bangun untuk mengemukakan hujah. Tidak dapat dipastikan sama ada tindakan beliau yang lantang bersuara ini tidak disenangi kerana mengkritik kepimpinan kerajaan atau sememangnya golongan wanita menganggap sikap yang sebegini tidak sesuai bagi seorang ahli politik wanita. Rungutan atau perasaan tidak senang ini pula datangnya daripada ahli politik wanita UMNO.¹¹⁸ Anehnya, ramai di antara ahli politik lelaki yang bersikap lebih agresif, kasar malah menganggu perjalanan persidangan dewan tetapi tidak pula dikritik oleh ahli politik wanita. Keadaan ini sedikit sebanyak mencerminkan jurang gender yang masih wujud dalam pemikiran sesetengah ahli politik wanita yang menganggap budaya mengkritik dan menegur dalam politik tidak sesuai diamalkan oleh kaum wanita. Wanita hanya sekadar pemerhati dan penyokong sahaja.

Jelasnya, walaupun telah diberi peluang untuk menjadi pemimpin dan membela kaum wanita yang lain, pemimpin yang berpandangan sedemikian masih lagi mempunyai pemikiran yang kolot dan konservatif tentang peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita hatta dalam politik itu sendiri. Golongan inilah sebenarnya yang menyebabkan wanita lain tidak dapat maju dalam politik kerana tingkahlaku golongan lelaki sentiasa diberi pengecualian berbanding dengan wanita yang mempunyai banyak sekatan dan

¹¹⁷ Pandangan ini juga diberikan oleh beberapa orang ahli politik PAS dan UMNO (wanita) berkenaan dengan segelintir pemimpin wanita yang dikatakan terlalu ghairah mengkritik pucuk pimpinan tanpa menyedari tempat dan masa berbuat demikian tidak sesuai.

¹¹⁸ Pemerhatian yang dilakukan semasa menghadiri sidang dewan di Parlimen pada 10-13 Mei 2000.

halangan. YB Rohani bagaimanapun berpendapat, bagi seorang ahli politik wanita, mereka haruslah bijak menyesuaikan diri apabila berdepan dengan cabaran di dalam politik supaya dapat diterima oleh ahli politik yang lain terutama kaum lelaki. Wanita sebagai golongan yang sering dimarginalisasikan, mereka perlu akur kepada suasana dan keadaan yang sentiasa memihak kepada kaum lelaki. Tetapi sekiranya wanita terus bersikap demikian, maka politik akan sentiasa didominasi oleh kaum lelaki.

Dewan Muslimat PAS sehingga tahun 1999 hanya bertindak sebagai penyokong dan subordinat kepada parti PAS. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan juga mencerminkan pengesahan kepada peranan tradisional kaum wanita. Di awal pergerakannya, ‘*Given that the Dewan Muslimat was a small wing and poorly organized, the electoral role of the DM was far from that if its chief rival, Wanita UMNO. Within the party, they retained a very low profile, playing a peripheral role.*’¹¹⁹ Namun begitu, tidak seperti wanita UMNO, perebutan jawatan kepimpinan di kalangan Muslimat PAS tidak langsung dapat dihidu oleh pihak media. Sama ada wujud atau tidak pertelingkahan jawatan di antara muslimat PAS tidak diketahui kerana media tidak memberi liputan tentang hal ini. Walau bagaimanapun daripada temubual yang dijalankan dengan beberapa orang tokoh pemimpin muslimat di peringkat negeri, sebenarnya DMP juga berhadapan dengan masalah perebutan jawatan cuma tidak dihebahkan sahaja.

Pada awal pergerakannya, wanita UMNO memang memainkan peranan yang penting, tetapi “...*the kaum Ibu did not break with the traditional roles fo Malay women but kept to a tradition in which women pursued their own goals subordinate and*

¹¹⁹ Dancz, op. cit., m.s. 194.

complementary to those of men. The KI was subordinate to UMNO in much the same way that Malay women were subordinate to Malay men".¹²⁰ Memang benar PWU diberi kebebasan dan hak untuk bersuara tentang isu-isu yang berkaitan dengan wanita tetapi senario ini menunjukkan wanita hanya layak bergerak dalam lingkungan definasi peranan tradisional yang telah diberikan kepada mereka. Walaupun pembabitan wanita di dalam politik UMNO merupakan tulang belakang kepada parti itu sendiri tetapi kuasa memutus adalah di tangan lelaki. Namun begitu, tidak dinafikan juga bahawa PWU lebih berjaya menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada wanita berbanding dengan DMP. Sekurang-kurangnya PWU lebih komited untuk melobi pemimpin parti bagi menempatkan lebih ramai kaum wanita di peringkat kepimpinan. Sungguhpun berhadapan dengan kemelut perebutan jawatan Ketua Wanitanya tetapi PWU telah membuktikan kemampuan mereka untuk memberi sumbangan dalam bentuk perkhidmatan meskipun bukan sebagai pembuat dasar. Dewan Muslimat PAS perlu mengakui hakikat bahawa PWU lebih agresif dan lebih berjaya dalam memperjuangkan hubungan gender yang lebih egalitarian dalam politik.

Kesimpulannya, bab enam memberi gambaran yang jelas tentang pandangan 271 orang responden lelaki dan wanita mengenai ketaksamaan gender dalam arena politik. Peranan serta kedudukan wanita dalam bidang ini terutama di peringkat kepimpinan dan membuat keputusan masih jauh ke belakang berbanding dengan kaum lelaki. Bab ini meninjau ekspektasi peranan gender dan hubungannya dengan penglibatan wanita dalam politik. Pengaruh ekspektasi peranan gender dikaji dengan melihat pandangan lelaki dan

¹²⁰ Ibid.

wanita UMNO serta PAS yang dipilih daripada negeri Terengganu dan Selangor. Dalam meneliti pengaruh ekspektasi peranan gender ini, pengkaji meneliti hubungannya dengan peranan wanita itu sendiri dalam politik. Ini dibuat dengan melihat pandangan responden tentang peranan wanita dalam politik. Majoriti responden sama ada lelaki atau wanita menganggap peranan wanita sebagai penyokong kepada kaum lelaki. Mereka beranggapan wanita paling memainkan peranan menarik minat orang ramai terhadap parti dan berkempen semasa pilihanraya. Ini kerana wanita dilihat tidak sesuai untuk menerajui parti malah ada yang beranggapan peranan kaum hawa ini tidak sepenting kaum lelaki. Dapatan kajian juga menunjukkan golongan wanita sendiri yang meletakkan kedudukan mereka lebih rendah daripada kaum lelaki.

Penemuan kajian membenarkan hipotesis bahawa ketaksamaan hubungan gender menyebabkan wujudnya jurang perbezaan yang besar dari segi bilangan wanita di peringkat kepimpinan. Bilangan wanita sebagai calon pilihanraya, perwakilan parti atau di peringkat membuat keputusan masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lelaki. Malah PAS hingga ke hari ini masih berdolak dalik tentang kedudukan ahli wanitanya sebagai rakan kongsi dalam parti. Pelbagai alasan yang diberikan sama ada tidak mempunyai calon yang berwibawa atau suasana pilihanraya yang tidak aman. Apa yang nyata, UMNO juga dilihat masih ketinggalan dalam memperjuangkan kedudukan yang lebih baik kepada ahli wanitanya. Kaum wanita ditolak untuk menerajui kepimpinan parti bahkan sebagai sebuah parti yang paling ramai ahli wanitanya, wakil-wakil wanita di peringkat membuat keputusan atau di peringkat kepimpinan masih tidak mencerminkan komitmen yang diberikan oleh wanita UMNO. Oleh itu, pengkaji berpendapat hipotesis yang mengemukakan bahawa wanita UMNO menunjukkan kemajuan yang lebih baik

dalam politik berbanding dengan wanita PAS adalah suatu kenyataan yang masih boleh dipertikaikan. Ini kerana konsep berpolitik bagi wanita UMNO dan wanita PAS adalah berbeza. Maka sudah tentu pencapaian yang diinginkan oleh kedua kumpulan wanita ini juga berbeza. Wanita UMNO mungkin mahukan lebih ramai bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dan kepimpinan sebagai satu lambang bahawa wanita mempunyai persamaan dengan kaum lelaki dalam politik. Manakala wanita PAS pula lebih mementingkan hasil daripada gerakkerja yang dijalankan oleh parti agar diterima oleh masyarakat dan menganggap persoalan tentang kesamarataan gender bukan satu isu yang penting.